

# NADI Insan

JANUARI 1980  
KDN 0049/80  
\$1

WAWANCARA:  
AZIZ ISHAK

## KEADAAN BURUK DI BANK BURUH

- Harta Shah & Pergolakan Di Iran
- Ekonomi Malaysia Tahun 1980
- Komidi Lapuk Tak Lucu

**GROW  
WITH**



**INSTANT  
FULL CREAM  
MILK  
POWDER**

*Enriched with vitamins A & D*

- **DELICIOUS**
- **NUTRITIOUS**

# NADI insan

BILANGAN 9


Para pembaca diingatkan bahwa bahan-bahan yang diterbitkan di dalam keluaran NADI INSAN ini tidak semestinya menggambarkan pendirian penerbit (INSAN) atau Sidang Redaksi majalah ini.

Penerbit : Institut Analisa Sosial (INSAN)  
Peti Surat 26, Kajang, Selangor.  
Redaksi : Dr. Mohd. Nasir Hashim (Ketua), Mohd. Daud,  
Dr. Jomo K.S., C. Ng, Rohana Ariffin.  
Pelukis : Jaseni, Lim, H.S. Chia.  
Pencetak : Penerbit Universiti Malaya, Lembah Pantai, K.L.  
Pengedar : The New Straits Times Press (M) Bhd., Jln. Riong, K.L.

JANUARI 1980

pena penyunting	2	
surat dari pembaca	3	
dua wawancara	4	<b>Aziz Ishak: Jiwa Anti-British</b>
nasional	9	<b>Masalah Tidak Cukup Tanah</b>
buku	11	<b>Tamu Istimewa Dilarang Masuk</b>
nasional	12	<b>Bank Buruh</b>
ekonomi	15	<b>Ekonomi Malaysia Dalam Tahun 1980</b>
antarabangsa	18	<b>Revolusi Iran</b>
		<b>Harta Shah</b>
kartun	24	<b>Hikayat Hawa</b>
falsafah hidup	28	<b>Tentukan Punca Masalah</b>
nasional	29	<b>Masalah Setingan: Beberapa Persoalan Pokok</b>
cerpen	32	<b>Baba Gunting</b>
sajak	38	<b>Cinta Itu Perjuangan</b>
		<b>Cendekiawan Tanpa Pendirian</b>
filem	40	<b>Komidi Lapuk Tak Lucu</b>

Aziz Ishak—bekas menteri, bekas tahanan politik dan juga mangsa zamannya. Mengapa beliau disingkir dari kabinet dahulu? Apakah prinsip perjuangannya?



Perkembangan di Iran dalam tahun yang lepas amat sukar difahami. Di sini, Eqbal Ahmad cuba menganalisis revolusi Iran secara mendalam. Di samping itu Hazim Amil mendedahkan sedikit mengenai harta Shah.

Bank Buruh pernah disifatkan sebagai usaha untuk membantu kaum buruh menjadi kaya dengan perubahan bank mereka tersendiri. Impian ini sekarang sudah berkecail. Nampaknya, simpanan pekerja disalahgunakan untuk kepentingan tertentu.



Dalam keluaran NI yang lepas, Suria Hamid telah membincangkan Belanja Negara bagi tahun 1980. Di sini dia cuba menjangka keadaan ekonomi pada tahun depan dan implikasinya dari segi kepentingan nasional dan rakyat jelata.

**JIMATKAN WANG**  
**NADI TERUS**  
**insan KE RUMAH**  
**ANDA**

6 bulan 1 tahun

Harga langganan \$5.50 \$10.00  
Anda menjimatkan .50s \$2.00

## BORANG LANGGANAN

Nama & Alamat \_\_\_\_\_

Sila kembalikan borang serta bayaran kepada:  
INSAN, Peti Surat 26, Kajang, Selangor.

Di Luar Negeri	Mel Biasa	Mel Udara
Asia Tenggara —	MS16	MS24
Asia Selatan, Asia Timur, Australia New Zealand —	MS16	MS28
Timur Tengah, Eropah —	MS16 (£ 4)	MS36 (£ 9)
Afrika, Amerika —	MS16 (US\$8)	MS44 (US\$22)

(Langganan Setahun)

# Pena Penyunting

Tahun tujuh puluhan telah meninggalkan berbagai-bagai peristiwa dalam sejarah dunia kita. Pergolakan politik yang telah membungkus ataupun menjunjung seseorang pemimpin masih berlaku dan ini telah menggalakkan pembaca-pembaca NI menghantar sumbangan mereka untuk perhatian kami. Lagi sekali kami mengucapkan ribuan terima kasih. Semoga semangat ingin tahu dan semangat untuk menganalisa akan sentiasa membara. Dengan keazaman seperti ini kami percaya kita bersama akan berkembang demi kepentingan rakyat yang tercinta.

Berikutan dengan tahun baru kami juga telah mengambil kesempatan untuk melakukan berbagai-bagai perubahan terhadap majalah NI. Bentuk baru 'logo' NI Adalah pilihan satu jawatankuasa khas INSAN dari sumbangan para pembaca yang dihormati. Pelukisnya—saudari Anisah Baharom—akan menerima tanda penghargaan kami kelak. Kami berharap saudara sekalian merasa selesa dengan perubahan ini.

Kami juga telah mengalami beberapa kesulitan. Kami terpaksa menghadapi kenyataan bahawa kos pencetakan dan kos pengedaran tidak membolehkan kami terus menjual NI dengan harga lama walaupun INSAN tidak mencari keuntungan. Memandangkan hakikat ini keluarga NI telah memutuskan untuk meningkatkan harga majalah NI dari 80 sen menjadi \$1. Sekali lagi kami ingin menggalakkan para pembaca supaya melanggan secara terus untuk menjimatkan wang.

Untuk tahun lapan puluhan ini, kami bercadang untuk berwawancara dengan pejuang-pejuang kebangsaan yang telah mengorbankan diri demi kepentingan rakyat dan bangsa. Mereka telah menjadi peneroka kemerdekaan negeri. Oleh itu, kita patut akan sentiasa sedar terhadap sumbangan mereka dan mempelajari keistimewaan (serta kelemahan, jika ada), supaya kita akan menjadi warganegara yang lebih berguna.

Di sini kita lebih memberatkan kepada sumbangan mereka dan bukan sepenuhnya kepada fahaman politik mereka.

Sebagai permulaan kami telah diberi peluang untuk berwawancara dengan Pak Aziz Ishak, bekas Menteri Pertanian di dalam kabinet pertama Tunku Abdul Rahman. Beliau adalah tokoh politik yang kontroversial dan telah dipecat dari kabinet tersebut, kemudian dan di sini kami juga berpeluang menerbitkan satu wawancara dengannya pada awal tahun 1963.

Bank Buruh adalah bank yang kononnya menumpukan perhatian utama terhadap kepentingan para pekerja di negeri ini. Justru itu Bank Buruh ini telah diamanahkan untuk menyelenggarakan hal-hal keewangan kaum pekerja. Tetapi beberapa perkara telah berlaku yang menyebabkan keraguan terhadap pentadbiran dan penyelenggaraan wang di bank itu.

Rasalah degup  
jantung rakyat,  
bacalah

# NADI INSAN

HANYA SERINGGIT

## Keluaran lepas:

### DISEMBER/8

- Wawancara: Anwar Ibrahim
- Belanjawan Negara '80
- Pelabuhan Kuantan.

### NOVEMBER/7

- Yasmin Yusuf; Hassan Ibrahim
- Masalah: Pekebun Kecil; Perumahan
- Peristiwa: Baling, Sg. Udang, Lubok Kundang

### OKTOBER/6

- S.M. Mohd. Idris; Dr. Burhanuddin
- Kanak-Kanak: Nasib Generasi Depan
- Dasar Luar Negara China

### SEPTEMBER/5

- Wawancara: Dr. Mahathir
- Setingan Di Kota
- Libya: Islam Dan/Atau Sosialis

### OGOS/4

- Wawancara: Jins Shamsuddin
- Harga Minyak Meningkatkan: Siapa Untung?
- Perjuangan Di Selatan Afrika

### JULAI/3

- Wawancara: Usman Awang
- RM3: Siapa Untung, Siapa Rugi
- Tenaga Suria - Pesaka Umum

### JUN/2

- Wawancara: Ungku Aziz
- Pergolakan Di IndoChina
- Awasi Bahaya Di Tempat Kerja

### MEI/1

- Wawancara: Tunku Abdul Rahman
- 13 Mei 1969 Dalam Kenangan
- Iran Selepas Shah; Bhutto.

Adakah ini benar?

Pergolakan di negeri Iran nampaknya makin lama makin hebat. Peristiwa-peristiwa yang tercetus seolah-olah mengikut detik masa. Oleh itu kita haruslah mengetahui lebih mendalam lagi perihal perkara ini. Asas dan sejarah pertentangan di negeri itu harus difahami supaya kita dapat mengikuti perkembangan revolusi itu ke peringkat ini. Juga, oleh kerana Shah Iran lebih terkenal dengan kemewahannya yang keterlaluan, maka kita juga dapat kesempatan untuk mengenal harta sasaran kebencian rakyat Iran kini.

Selamat membaca dan keluarga INSAN dan Nadi Insan ingin mengucapkan selamat tahun hijrah 1400, selamat tahun baru dan selamat menunaikan keazaman-keazaman baru untuk tahun 1980.



## Salah tafsiran Belanjawan 1980

Salleh Haji Johari, Bukit Damansara, K.L.: Merujuk kepada artikel Suria Hamid berjudul 'Belanjawan Negara: Menguntungkan semua?' (dalam NI keluaran bulan Disember 1979), saya ingin menarik perhatian sdr. penulis kepada salah tafsirannya mengenai cadangan pelepasan cukai dalam belanjawan 1980 untuk si isteri yang bekerja.

Mengikut sdr. Suria, jika si isteri yang bekerja telahpun menerima pelepasan cukai maksima bagi pendapatannya sebanyak \$1000, maka pasangan suami isteri itu tidak memperoleh apa-apa kenaikan dalam pelepasan untuk isteri. Kenyataan ini boleh dianggap benar jika pendapatan pasangan itu dinilai bersama (*joint assessment*) untuk tujuan pencukaian.

Tetapi, selalunya, pasangan suami isteri yang kedua-duanya bekerja lebih suka dinilai secara ber-

asingan (*separate assessment*). Berdasarkan andaian ini, dan sebagaimana yang dinyatakan oleh YBM Tengku Razaleigh di Dewan Rakyat pada 12hb. November yang lalu, pelepasan cukai yang dicadangkan untuk pasangan suami isteri yang bekerja ialah \$10,000 berbanding dengan \$6,000 di bawah struktur percukaian sekarang.

Ini bermakna pasangan suami isteri mendapat pelepasan cukai sebanyak \$4,000, iaitu 67% lebih tinggi dari percukaian cukai mereka sekarang. Ini adalah satu potongan cukai yang besar kepada pasangan suami isteri yang berkenaan!

Kesilapan ini harus diperbetulkan. Jika tidak, ianya mungkin memberi gambaran yang salah dan pihak NI mungkin tidak berlaku adil kepada pihak kerajaan. Oleh itu, saya harap NI dapat menerbitkan surat saya ini.

Jawapan Suria Hamid: *Terimakasih atas kritikan sdr. itu. Saya akui kebenaran kritikan sdr. itu dan saya meminta maaf jika ianya telah menimbulkan kekeliruan kepada para pembaca.*

*Di sini saya ingin juga membuat sedikit penjelasan. Kenyataan yang telah saya buat adalah berasaskan kepada andaian bahawa pendapatan pasangan suami isteri dinilai secara bersama. Sebagaimana sdr. akui sendiri, berasaskan andaian ini, kenyataan saya adalah tidak salah.*

*Namun demikian, saya akui kelemahan saya kerana tidak terus menunjukkan keadaan di mana pendapatan mereka dinilai secara berasingan. Oleh yang demikian, kritikan sdr. adalah kena pada tempatnya.*

*Seterusnya, walaupun saya menerima kritikan sdr., saya masih merasakan bahawa tidak menjejaskan keseluruhan analisa saya mengenai Belanjawan 1980. Saya harap sdr. dapat bersetuju dengan pandangan saya ini.*

## "Insan Kerdil"

Wan Hashim, Manchester, England: Baru pagi ini saya terima Nadi Insan keluaran bulan November. Saya ucapkan sayabas kepada anggota pengarangnya kerana saya rasa Nadi Insan merupakan majalah yang mengisi satu 'kekosongan'—atau lebih tepat lagi, satu arena untuk melahirkan suara 'insan kerdil'. Cuma saya berharap lebih ramai lagi golongan cerdik pandai meluangkan masa mereka untuk memberi sumbangan kepada majalah ini—esei-esei yang merupakan 'suara kecil' rakyat biasa. Saya sendiri akan cuba memberi apa-apa sumbangan pada masa akan datang

# AZIZ ISHAK

## TOKOH LUARBIASA

## TAMU ISTIMEWA

**NI:** Bolehkah Pak Aziz terangkan sedikit tentang penglibatan Pak Aziz dalam gerakan nasionalis dulu?

**AI:** Sebelum perang, saya menjadi ahli KMM (Kesatuan Melayu Muda). Semasa saya berkhidmat sebagai pegawai perikanan di utara Malaya. . . . Keluarga saya—yang berasal dari Sumatra Barat—juga merupakan orang yang tak nak jadi *yesmen*, yang berani berjuang. . . . (Selepas perang, kami telah menubuhkan GERAM (Gerakan Rakyat Malaya) di Singapura. . . . GERAM ini adalah di bawah PKMM (Parti Kebangsaan Melayu Malaya). Dr. Burhanuddin menjadi penasihat kami. . . . Shahrudin Ahmad yang menjadi timbalan, saya jadi ketua, Samad Ismail jadi setiausaha. . . .

**NI:** Bagaimana pula Pak Aziz terlibat dalam UMNO?

**AI:** Dari dahulu, saya tidak ingin terlibat. Saya kerja di Utusan Melayu. . . . Tapi masa saya kerja di pejabat di Selangor orang-orang minta saya masuk. Kemudian naiklah, sampai menjadi ketua bahagian di negeri Selangor.

(Kemudian bila Dato Onn tubuhkan IMP (Independence of Malaya Party), sayapun masuklah kerana saya tak begitu yakin kepada UMNO.



Di Rome waktu persidangan FAO tahun 1957—sesudah Malaya diterima sebagai anggota.

**NI:** Kemudian, Pak Aziz kembali kepada UMNO tak?

**AI:** Ya. Saya masukpun kerana Tunku pujuk saya masuk kerana masa itu saya dengan dia begitu baik. . . .

**NI:** Pak Aziz pernah menjadi ahli Legislative Council penjajah pada masa itu.

**AI:** Saya dilantik oleh Henry Gurney—personal, bukan sebagai wakil UMNO.

**NI:** Kenapa Pak Aziz dilantik sebagai Menteri Pertanian dalam Kabinet Tunku?

**AI:** Yang memberi satu-satu jawatan adalah Tunku Abdul Rahman berunding dengan High Commissioner. Agaknya, British fikir—dengan tujuan dia oranglah—saya ini dibagi portfolio yang tak bercampur gaul banyak sangat. Mereka tahu tabiat sayalah. Tentu saya tak boleh buat apa-apa dalam kementerian itu. Sebaliknya, dalam kementerian itulah saya dapat berdekatan dengan rakyat.

**NI:** Ada beberapa pemerhati yang berpendapat bahawa Pak Aziz disingkir dari kabinet kerana Pak Aziz telah menjadi makin popular di kalangan rakyat sebab:

- 1) mencadangkan penubuhan kilang baja urea secara kerjasama
- 2) menyerang kepentingan orang tengah, terutama sekali pengilang padi
- 3) Mendedahkan keujudan rasuah dalam kementerian Pak Aziz sendiri.

*Ini pula mungkin telah mengancam kepentingan menteri lain yang mengkhawatiri populariti Pak Aziz. Apa pendapat Pak Aziz sekarang tentang hal itu?*

**AI:** Betul. Sebenarnya, rasuah memang . . . terutama sekali di Jabatan Perhutanan inilah pusaka dari British dahululah. . . .

Saya disingkir atas alasan yang saya ini tak serupa dengan kawan-kawan yang lain dalam kabinet kata dia. Tapi punca pada mulanya bukanlah dengan siapa-siapa. Tapi orang dah meninggal, sebut nama pun tak sedap. . . .

Saya pada mulanya bukanlah tahu sangat tentang politik . . . saya lurus sangat, *straightforward*.

Masa saya balik dari England tahun 53—bila saya hadiri kemahkotaan Queen Elizabeth II—saya ter-



Asrama Dr. Latiff waktu bersembahyang Magrib pada tahun 1975.

libat dalam satu peristiwa dengan Gerald Templar (Tuduhan Wartawan Tikus). Jadi, saya sudah jadi *hero* kecil. Ada pula cawangan UMNO yang mencalonkan nama saya sebagai Timbalan Yang DiPertua UMNO. Jadi sayapun ingat, ini tak apalah. Perbandingan yang sihat. Saya tak tahu Tun Razaklah yang dijangka akan menang. Jadi, sepatutnya, saya tarik diri. Tapi saya tak tarik diri. . . . Dan masa persidangan UMNO tahun 1954, tak diisytiharkan saya kalah berapa undi. Cuma Haji Mohd. Noah yang kata saya kalah.

Dari itulah, saya *kena marked*. *Mark* saya bukan main-main, tapi tak tunjuk. . . . (Tun Razak) itu tak cakap banyak. Dalam kabinet, dia jarang cakap. Dia dengar orang lain, baru dia *last* sekali.

Tentang koperatif puja, kami telah tubuhkan koperatif di rata-rata, bukan di Krian saja. . . . Di Krian, kami pelawa 150 orang China itu—orang Melayupun ada, tapi orang tengah itu kebanyakannya orang China—masuk koop, supaya dapat bergerak bersama. Tapi dia orang tak mahu, merayu kepada MCA pula. Tan Siew Sin dan mendiang Dr. Lim Swee Aun pula minta Tunku jangan benarkan saya terus bertindak.

Rancangan kilang baja urea itu sebenarnya disyorkan oleh FAO. . . . ICI masa itu menguasai bekalan baja kimia di Malaya ini. Bahan-bahan yang dijualnya itu, macam ammonium sulphate, tak sesuai dengan tanah kita, jadikannya masam, tak subur. Dan kerana ICI itu belum jual urea, dia paksakan kita pula supaya jangan keluarkan urea dengan sendiri.

Semasa saya menjadi Menteri Pertanian—misalnya semasa belanjawan dibincang—saya dipuji, bukan saja parti pemerintah, tapi parti pembangkangpun—

kemas, teratur dan sebagainya. Sudahlah. Adalah orang yang cemburu. . . . Jadi Kementerian Pembangunan Luar Bandar pula ditubuhkan pada tahun 58 kalau tak salah saya.

Tun Razak yang jadi Menteri. Tapi sekarang—setelah Tunku tak baik dengan Tun Razak lagi—dia pula mengaku dialah yang tubuhkan kementerian itu. Selepas 13 Mei, kumpulan baru yang naik. . . . Tun Razak was *behind it all*. (Tunku) tahu. Masa saya coba nak buat biografi Tunku, dia beritahu saya semua. Tapi sekarang kami dah tak baik lagi, itulah. . . . saya dah tulis tiga-suku biografinya. . . . Tapi bahagian yang tak sedap, dia suruh jangan masuk. Mana Boleh? . . . Fakta itu fakta. . . . Sekarang ada kes di High Court. . . .

NI: Setelah keluar dari kabinet, Pak Aziz telah menubuhkan parti baru.

AI: Ya. Parti Perhimpunan Agung bersama Datuk Kampo Radjo (yang sebelum itu dalam UMNO juga), Syed Husin Ali dan orang-orang lain. Sejak April 1962, saya juga telah ubah dari *non-practising Muslim* menjadi seorang *practising Muslim*. . . .

NI: Kemudian Pak Aziz ditahan atas tuduhan-tuduhan tertentu berkaitan dengan penentangan Pak Aziz terhadap penubuhan Malaysia.

AI: Saya tak pernah menentang. Kami minta supaya ditangguhkan selama 2 tahun—untuk mengadakan referendum supaya kita dapat tahu sikap rakyat yang benar terhadap rancangan itu. Pendirian inilah yang pernah dipersetujui oleh Fron Pembangkang, iaitu Fron Sosialis, PAS, PPP, UDP. . . . Kami minta supaya jangan terburu-buru.

Saya tak setuju dengan dasar konfrontasi Sukarno kerana menggunakan kekerasan. . . . Saya adalah seorang *pacifist*,—*I don't believe in aggression of any thing in any form*. . . . Sayapun tidak terlibat. . . . Mengenai tuduhan pula, jawapan saya ialah buku saya itu yang tidak dibenarkan masuk.

Saya ditahan selama lebih kurang satu tahun, 1965–66. Tapi selama 6 tahun kemudian, kebebasan saya disekat dengan syarat-syarat yang dikenakan. . . .

Buku saya itu tak diwartakan lagi. Jadi, belum dihamkan tapi dia boleh larang dibawa masuk. . . . Semasa peristiwa di Johor Baru hari itu, buku Melayu itu baru keluar dan sayalah yang coba nak bawa masuk.

NI: Pada pendapat Pak Aziz, kenapa buku itu tidak dapat dibeli di sini?

AI: Kerana kerajaan tak mahu rakyat biasa baca cerita yang sebenarnya. . . . Supaya tuduhan yang diisytiharkan dulu—yang memburuk-burukan saya, menuduh saya orang jahat, pengkhianat, dan sebagainya—dapat lekat selama-lamanya.

Di bawah ini *Nadi Insan* terbitkan terjemahan sebuah artikel dan wawancara dengan Pak Aziz Ishak yang pernah disediakan oleh Prof. Gayl Ness (dari Amerika Syarikat) pada bulan Mac 1963 yang berjudul '*Aziz Ishak and the Anti-British Spirit*' (yang telah diterbitkan oleh Institute of Current World Affairs di New York).

### AZIZ ISHAK DAN SEMANGAT ANTI-BRITISH

Abdul Aziz bin Ishak dapat diangap sebagai paling kontroversial di kalangan pemimpin-pemimpin Malaya Moden. Pernah menjadi wartawan dan penerbit akhbar, adik kepada Yang DiPertuan Negara (Ketua Negara Singapura menurut perlembagaan), berasal dari keluarga yang baik dan berpendidikan, Aziz ialah seorang pejuang kebangsaan dan intelektual moden bagi Malaya.

Beliau terlibat dalam penubuhan United Malay Nationalist Organization (UMNO), dilantik menjadi ahli Majlis Perundang (Persekutuan) yang dikuasai British dan kemudiannya terpilih menjadi ahli Parlimen Malaya selepas tercapainya kemerdekaan. Beliau telah berjuang untuk kemerdekaan itu dan seterusnya menjadi salah seorang dari para intelektual yang berkuasa.

Sebagai Menteri Pertanian bagi negaranya, beliau bekerja keras tanpa jemu-jemu, untuk meninggikan taraf hidup kaum tani yang ramai di Malaya. Menerusi lawatan-lawatannya yang meluas dan kempen-kempen kementeriannya beliau menjadi begitu popular di kalangan penduduk-penduduk desa dan sebahagian dari pegawai-pegawainya.

Kelantangan suaranya dan kegigihannya itu menyebabkan ia mempunyai ramai musuh yang berkuasa. Cadangannya untuk menubuhkan sebuah kilang baja secara kerjasama, yang terus diperjuangkannya setelah kabinet dan Perdana Menteri menolaknya, menyebabkan berlaku pertentangan antaranya dengan Imperial Chemical Industries (ICI) salah sebuah syarikat Inggeris yang terkuat dan tersusun di Malaya.

#### Rasuah

Tuduhan-tuduhannya mengenai perbuatan rasuah dalam jabatan di kementeriannya sendiri menyebabkan kejatuhan semangat di kalangan sebahagian dari pegawai-pegawainya. Sentimen anti-kapitalis yang disertai dengan sikap anti-China dan implikasi-implikasi dasarnya, menyebabkan wujud pertikaian antaranya dengan Malayan Chinese Association (MCA), sayap kaum China dalam partinya yang memerintah, iaitu, Perikatan.

Kejayaannya dalam melahirkan pengikut-pengikutnya di kawasan-kawasan luarbandar menyebabkan wujud pertentangan antaranya dengan Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak. Pertentangan yang terakhir ini



Kuala Perlis 1956. Waktu melawat rancangan taliair. Kelihatan pegawai British masih bersama.

adalah terpenting kerana sesungguhnya ia berkaitan dengan persoalan mengenai siapakah yang bakal menjadi Perdana Menteri seterusnya.

Kontroversi Aziz ini tiba ke kemuncaknya pada tahun yang lalu (1962). Selepas sahaja Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman berlepas ke England untuk berunding mengenai Malaysia, pengumuman mengenai rombakan kabinet dikeluarkan. Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat dibahagi dua dan Aziz dipindahkan dari Pertanian kepada Kesihatan. Dengan ini Aziz dibebankan dengan masalah kekurangan doktor dan hospital. Aziz bertindak. Beliau menyatakan secara berterus-terang bahawa Perdana Menteri tidakpun memberitahunya mengenai perubahan tersebut, dan beliau enggan menerimanya.

Di England, rundingan mengenai Malaysia berakhir dengan kejayaan dan Tunku pulang ke Malaya dengan sinar kemengangan. Kejayaan itu jugalah yang telah menetapkan nasib Aziz. Ia telah mengkaburkan peristiwa (pemindahan) Aziz dan telah memberikan Tunku kuasa yang mencukupi untuk memecat Aziz dari kabinet tanpa sebarang masalah.

#### Tentangan

Pada bulan Januari tahun ini (1963), Aziz telah melancarkan tentangannya terhadap keseluruhan rancangan pembangunan kerajaan, keterlibatan kerajaan terhadap pemberontakan Brunei, dan kegagalannya untuk mengekalkan persahabatan dengan Indonesia. Ini telah memberikan peluang kepada pemimpin-pemimpin parti (yang memerintah) yang mereka gunakan secukup-cukupnya, untuk menjatuhkan Aziz dari kedudukannya.

Bulan ini (Mac, 1963), merupakan sesi pertama Aziz sebagai ahli pembangkang bebas di Parlimen. Beliau telah mengajak, yang mungkin akan membawa kejayaan, golongan pembangkang bersatu dan bersama-sama menentang penubuhan Malaysia.



Aziz mendakwa, dan ini seiring dengan dakwaan Indonesia, pemberontak-pemberontak Brunei, beberapa orang Filipina, dan *Pravda*, bahawa penubuhan Malaysia hanyalah percobaan British untuk melindungi kepentingannya di rantau ini. Pertentangan dengan Indonesia mengenai isu (penubuhan) Malaysia, menurutnya, boleh membantu British. Slogan lama 'pecah dan perintah' dihidupkan kembali.

### Masalah Ekonomi

**GN:** *Pada pandangan tuan, apakah masalah ekonomi utama yang dihadapi oleh negeri tuan?*

**AI:** Untuk memahami hal ini, kita harus melihat kembali saat Merdeka. Kami mempunyai kerajaan yang baru. Kami tidak punya pengalaman. Kami tidak tahu bagaimana mentadbirkan negara. Ketika itu juga, kami sibuk dengan perkara-perkara lain.

Kebanyakan menteri-menteri kami sangat sibuk dengan majlis-majlis serta parti-parti dan penciptaan pakaian seragam kabinet dan seumpamanya. Tahu-lah kami masih mempunyai penasihat-penasihat British. Oleh kerana kami tidak berpengalaman, kamipun mendengar cakap mereka. Mereka tahu cara mentadbirkan negara lalu mereka menyatakan pada kita apa yang harus dibuat dan kita mematuhi-nya.

Jadi, kita boleh lihat bahawa perubahan yang sebenar tidak pernah berlaku. Apa yang ada sekarang ialah sambungan dari dasar lama.

**GN:** *Adakah maksud tuan bahawa orang-orang Inggeris masih berkuasa?*

**AI:** Sangat benar; dan kerana itulah perubahan yang sebenar terhadap masalah-masalah kami, tidak terdapat pembasmian kemiskinan yang sebenar.



Aziz selalu mendampingi rakyat.

**GN:** *Pada pendapat tuan, apakah sebab utama bagi kemiskinan desa?*

### Projek Urea

**AI:** Penindasan, oleh orang tengah dan juga oleh syarikat-syarikat asing. Itulah sebabnya saya terpaksa meninggalkan kabinet. Projek (baja) urea yang saya cadangkan bertentangan dengan kepentingan ICI. Tahulah, mereka orang-orang yang berkuasa dan mereka berjaya mendapat sokongan Tunku.

Sewaktu saya dalam kabinet, saya coba menyasat harga baja di dunia, dan saya gagal mendapatkan butir-butir mengenaiannya. Hanyalah sewaktu saya melawat keluar negeri, saya dapati kami telah membayar (harga baja) terlalu tinggi. Kemudian, kami di kementerian (Pertanian) menggalakkan petani-petani menggunakan baja dan saya memikirkan bahawa kami patut mengeluarkan baja di sini.

Tunku tidak bersetuju walaupun projek saya baik. Pakar-pakar dari FAO, juruteknik-juruteknik dari India, Jerman Barat dan Perancis, ke semuanya bersetuju. Fakta-fakta mengenai ini boleh disemak. Sewaktu kami mula merancang kilang ini, harga baja turun sebanyak \$30 satu ton, kemudian ia turun lagi \$30 satu ton.

Jika kami memiliki kilang sendiri, kami jual baja dan hasil-hasil sampingannya. Gas amonia ialah hasil sampingannya. Kita boleh mengeluarkannya dengan harga \$300 satu ton yang kini kami beli dengan harga \$1100 satu ton. Jualan bahan ini sahaja boleh menghasilkan \$4 juta setahun untuk kilang kami. Kami mungkin dapat memberikan baja (kepada petani) dengan percuma!

Rakyat menyokong saya. Kami telah mengumpulkan sebanyak \$2 juta dari petani-petani melalui yuran dalam syarikat kerjasama ini. Tunjukkan kalau ada negeri lain yang mempunyai rekod yang serupa mengenai petani-petannya,

### Penindasan

**GN:** *Saya mendengar bahawa tuan dipaksa keluar dari kabinet sebab pertentangan tuan dengan MCA dan pengilang-pengilang beras China di Perak dan Pulau Pinang. Adakah ini penting?*

*(GN: Aziz telah meminta kedua-dua kerajaan negeri, yang mengawal perlesenan, untuk memberikan kuasa monopoli mengilang beras kepada syarikat kerjasama. Beberapa orang pemerhati berpendapat bahawa MCA terpaksa mengambil pendirian yang tegas mengenai isu ini dalam jawatankuasa-kerja Perikatan.*

*Kerajaan-kerajaan negeri (yang berkenaan) telah*

*mengubah keputusan masing-masing atas alasan bahawa adalah bertentangan dengan perlembagaan jika kerajaan negeri tidak membenarkan pembaharuan lesen (mengilang beras). Ini merupakan perlindungan undang-undang yang terpenting bagi kaum China. Jika Aziz berjaya, mungkin MCA akan menarik balik sokongannya terhadap Perikatan).*

**AI:** Itu memang penting. Tuan seharusnya faham bahawa penindasan bukanlah suatu hal perkauman. Orang-orang tengah di seluruh dunia semuanya sama belaka, mereka hidup kerana menindas. Hanya di Malaya ini kebanyakan orang tengah adalah dari kaum China.

Cadangan saya itu sebenarnya tidak mempunyai masalah undang-undang dan tidak juga berlawanan dengan perlembagaan. Perkara yang sama kita lakukan di Selangor dan Melaka. Tiada siapapun yang menentangnya. Hanya apabila kita mengganggu kepentingan mereka, mereka menjadi bimbang. Tuan boleh kaji sendiri, tidak ada sebarang percanggahan dengan perlembagaan mengenainya.

*(GN: Setelah dikaji, saya dapati perlindungan terhadap lesen dinyatakan dengan agak jelas dalam perlembagaan).*

Hal yang penting ialah bahawa di sini orang-orang tengah disokong oleh syarikat-syarikat British. Kata Tunku, kami mempunyai kerjasama dengan orang-orang China dan oleh itu kami tidak boleh bertindak menentang mereka.

Peniaga-peniaga beras memang boleh menyertai persatuan-persatuan kerjasama, tetapi sememangnya mereka tidak akan mempunyai kuasa yang kuat seperti peniaga persendirian.

Dengan cara ini, kami menghadapi pertentangan



Aziz sedang makan bersama-sama.

yang sengit dengan Tan Siew Sin (Menteri Kewangan dan Pengerusi MCA).

**GN:** *Kenapakah Rancangan Pembangunan Komuniti dipindahkan dari Kementerian tuan ke Kementerian Pembangunan Luarbandar?*

**AI:** Pembangunan komuniti telah begitu berjaya di sini. Saya membawa idea ini masuk dari India. Kami mempunyai sebanyak 160 buah kampung di Kelantan yang sedang menjalankan rancangan ini. Hasil boleh dilihat dalam masa enam bulan lagi.

Kami mengadakan seminar dengan pakar-pakar Bangsa-Bangsa Bersatu di sini. Nampaknya beberapa orang berpendapat bahawa sepatutnya saya tidak harus melakukannya bersendirian dan mendapat pujian untuk diri sendiri sahaja, oleh itu kami tidak mendapat sokongan. Bila saya melihat hal ini, dengan sukarela, saya menyerahkannya pada Perdana Menteri.

*(GN: Menurut versi lain, Aziz menghentikan rancangan itu kerana terpaksa).*

Sejak itu rancangan itupun berkubur kerana tidak ada yang memahaminya. Kami telah membuktikan bahawa rancangan tersebut dapat dijalankan dengan sokongan yang begitu terbatas. Oleh sebab tidak ramai yang memahaminya, hasilnya tidak dapat dikecap.

**GN:** *Adakah benar tuduhan bahawa tuan dipaksa meninggalkan kabinet kerana pertentangan dengan Tun Razak, misalnya dalam isu Rancangan Pembangunan Komuniti, mengenai siapakah yang sepatutnya menjadi Perdana Menteri seterusnya?*

**AI:** (Aziz mengeleng-ngelengkan kepalanya dan tersenyum, nampak seperti senyum paksa) Saya tak pernah mempunyai cita-cita ataupun pertentangan sedemikian. Sejak zaman saya menjadi wartawan lagi, apa yang saya lakukan ialah untuk kebaikan orang ramai. Mungkin Tun Razak rasa saya telah menjadi terlalu popular kerana kerja-kerja saya.

**GN:** *Bagaimana mulanya pertentangan wujud antara tuan dengan Tun Razak?*

**AI:** Ia bermula pada hari pertama dalam kabinet. Seperti yang telah saya sebutkan, ada orang lebih berminat untuk mereka pakaian seragam baru untuk kabinet, tetapi saya meminta supaya kerja-kerja lain diutamakan. *(Ini ialah pada masa Tun Razak, sebagai Menteri Pelajaran, sedang menggubal dasar pelajaran Malaya yang tunggal buat pertama kalinya dan mengandakan perbelanjaan untuk sekolah-sekolah.*

#### Pemilikan Tanah

**GN:** *Kenapa tidak pernah disebut mengenai reform tanah di Malaya? Adakah benar dakwaan bahawa ini ialah kerana UMNO dipimpin oleh golongan tuan tanah yang berasal dari Kedah dan Johor?*

AI: Tidak, pemilikan tanah itu amat kecil. Sebab yang utama ialah kerana kepentingan British. Tuan mungkin tahu bahawa terdapat lebih kurang lima juta ekar tanah yang telah diusahakan di Malaya dan hanya 1.5 juta ekar sahaja dimiliki oleh penduduk tempatan. Sudah semestinya mereka tidak ingin bercakap tentang reform tanah, dan telah mengaku dan bersetuju untuk melindungi kepentingan modal asing.

*(Dalam hal ini, tanggapan Aziz agak kabor. Tanah seluas 1.5 juta ekar yang disebutkannya itu adalah milik orang-orang Melayu. Tanah milik pemodal-pemodal asing adalah seluas 1.5 juta ekar, sebahagian besarnya ditanam dengan getah. Selebihnya dimiliki oleh orang-orang China dan India.*

*Penolakan Aziz terhadap golongan tuan tanah menunjukkan beliau tidak begitu objektif. Kajian yang dibuat oleh kementeriannya sendiri menunjukkan lebihkurang 50% dari petani-petani di kawasan-kawasan padi di utara Malaya terdiri dari penyewa-penyewa; dan hampir kesemua dari tanah ini ialah tanah simpanan Melayu yang dimiliki oleh orang-orang Melayu.*

GN: *Apakah pandangan tuan mengenai masa depan Malaya? Apakah bentuk organisasi pengeluaran yang tuan ingin lihat (wujud di Malaya)?*

AI: Sudah semestinya kita harus mengembangkan perusahaan. Kegiatan pertanian sepatutnya dikuasai oleh rakyat (yang juga sepatutnya menguasai) kredit-kerjasama dan pemasaran supaya mereka boleh mendapat hasil yang adil dari tenaga mereka.

Perusahaan sepatutnya terbahagi kepada tiga bahagian. Dalam jenis-jenis perusahaan yang tertentu pemodal-pemodal persendirian boleh menjalankan kegiatan dengan baik dan pelaburan mereka patut dilindungi. Dalam bidang lain, kerajaan patut mengambil langkah-langkah untuk melindungi kepentingan rakyat.

Akhirnya, patutlah dikhaskan bidang-bidang tertentu kegiatan pergerakan kerjasama, iaitu perusahaan yang boleh dimiliki oleh semua rakyat, termasuklah keuntungan dan kawasanya--suatu perusahaan itu benar-benar merupakan perusahaan rakyat.

Memanglah saya tidak dapat mengemukakan idea saya secara mendalam sekarang, ia masih terlalu awal. Sesungguhnya, apa yang telah saya lakukan mungkin telah mendahului zamannya. Kita mungkin belum bersedia sekarang ini, tetapi, suatu hari nanti kita tetap bersedia seluruh sistem belum berubah dan orang biasa masih di bawah lagi. Kehendaknya tidak boleh lama diabaikan, kalau tidak, revolusi komunis tulin akan berlaku di sini.

NI

**nasional**

# MASALAH TIDAK CUKUP TANAH

Wan Hashim  
Manchester, U.K.

Hari ini, semua orang tahu bahawa masalah kemiskinan di bandar dan luar bandar, masalah peneroka 'tanah haram' (istilah ini timbul apabila Inggeris menjajah negara kita dan dipopularkan selepas merdeka. Di zaman datuk-nenek kita dulu, sebelum penjajahan, semua rakyat jelata boleh memiliki tanah tanpa sebarang sekatan. . . .), atau masalah setinggan di pinggir-pinggir bandar (jumlah setinggan di KL melebihi 1/3 jumlah semua penduduk) adalah berpunca daripada 'ketidacukupan' tanah untuk diberi kepada semua--terutama kepada kaum tani di luar bandar dan juga penduduk miskin di bandar.

Istilah 'ketidacukupan' atau ti-

dak cukup tanah inipun tidak betul. Pak Awang dan Mak Awang yang tinggal di ceruk kampung sanapun tahu bahawa tanah masih banyak di merata-rata. Ada bukit-bukau yang masih belum ditebang tebas, atau kayu-kayannya sudah ditebang dan dijual (duitnya pergi ke mana?), berhampiran dengan kampung mereka.

Ada tanah ladang yang subur hingga beribu-juta ekar yang ditanam dengan getah dan kelapa sawit tapi tidak diketahui oleh Pak Awang dan Mak Awang siapakah pemiliknya. Di pintu masuk ke ladang ini, terdapat satu papan kenyataan memberi amaran.

**PRIVATE PROPERTY**

*Trespassers will be prosecuted.*

Sekali-sekala ternampak oleh Pak Awang dan Mak Awang seorang 'pegawai' yang memakai uniform kemas warna kelabu tahi anjing memandu landrover masuk dan keluar estet itu. Rumahnya, rumah banglo besar yang dibina di atas bukit. Mungkinkah itu tuan estet ini . . . bertanya hati kecil Pak Awang dan Mak Awang. Kalau begitu tentulah kaya pegawai yang memandu land-rover itu!

Tapi, bila Pak Awang dan Mak Awang tanya tentang hal estet ini (nak tahu juga kerana estet ini berjiran dengan kampung mereka), pekerja-pekerja estet itu memberi tahu bahawa, 'Itu tuan meneger, bukannya tuannya estet. Tuannya estet sudah lama balik ke Eng-

land, mereka tidak tinggal di sini lagi.'

Pak Awang dan Mak Awang mengeluh panjang. Pelek betul zaman sekarang ini. Tanah ada di sini (hak orang puteh pulak tu!). Orangnya sudah tak ada lagi di sini.

Begitulah keadaannya di negara kita yang tercinta ini. Begitu banyak tanah yang dibuka, ditanam dengan tanaman yang baik-baik, tapi bukan milik kita!

Pak Awang dan Mak Awang, walaupun cuma pernah pergi sekolah dan lulus darjah satu sekolah atap saja, tahu juga sedikit sebanyak peribahasa Melayu. Satu peribahasa yang betul-betul diingatnya bila mengenangkan kedudukan estet ini ialah sebagai berikut;

*'Kera di hutan disusukan,  
anak di pangkuan mati tak makan.'*

## II

Baru-baru ini, hati kecil saya amat tersinggung apabila membaca sebuah iklan menarik mengenai Malaysia yang dimuatkan dalam majalah *Asiaweek* (19 Oktober 79). Iklannya sangat cantik, dicetak di atas kertas *glossy* dan berwarna. Perkataan yang dicetak dengan huruf besar iklan itu berbunyi;

*'If there were one country designed by investment counselors, it would probably look like Malaysia.'*

Penulis terus membaca apakah isi kandungan iklan itu. Antara lainnya iklan itu memberitahu kepada orang-orang asing yang mahu menanam modal di Malaysia bahawa keadaan di Malaysia adalah sebagai berikut;

### 1. TANAH:

Tanah begitu banyak di Malaysia, tanah yang mempunyai segala kemudahan untuk membuka kilang-kilang industri. Lebih kurang 12 juta meter persegi boleh dibeli serta-merta dengan harga yang berpatutan. Sebagai contoh, bagi kawasan yang jauh sedikit dari pusat perindustrian, harga tanah satu meter



persegi ialah AS \$2.20 atau lebih kurang 50 sen sekaki persegi. Bagi dalam kawasan yang sudah dimajukan, harga tanah ialah di antara AS \$10.00 dan AS \$20.00 setiap meter persegi. Berbagai kemudahan dalam kawasan perdagangan bebas juga boleh diberi.

### 2. PEKERJA

Tidak ada masalah untuk mendapatkan pekerja buruh yang *murah*. Mereka ini cergas, boleh diharap, dan dilatih untuk kegunaan dalam perusahaan yang menggunakan teknologi moden. Pekerja ini boleh diperolehi daripada 6% jumlah mereka yang menganggur di Malaysia sekarang ini; dan 30% daripada mereka yang menganggur adalah anak muda di antara umur 15 dan 25 tahun.

Harga (upah) buruh adalah *sangat murah*, cuma di antara AS \$1.35 (M\$3) dan AS\$2.25 (M\$5) sehari, bergantung kepada jenis industri dan kadar kemahiran.

Bagi perkara 1. Tanah: ini amat jelas ternyata bahawa kita masih mempunyai banyak tanah walaupun masalah besar sekarang ialah ramai rakyat jelata yang tidak memiliki tanah sendiri. Tanah yang banyak ini kepunyaan siapa? Tanah yang banyak ini (hingga diiklankan di luar negeri) hendak dijual (digadaikan?) kepada siapa?

Bagi perkara 2. Pekerja, kalau

harga buruh kita cuma M\$3 sehari dan mereka bekerja selama 25 hari dalam sebulan, ini bermakna pendapatan mereka sebulan hanya cuma \$75.00. Bagi pekerja mahir pula, yang mendapat bayaran yang tertinggi mengikut iklan ini, mereka akan memperolehi pendapatan sebanyak \$120 sebulan. Soalnya di sini bolehkah pekerja-pekerja ini hidup dengan sempurna, terutama sekali di kawasan-kawasan bandar? Barangkali nak makan setiap hari untuk satu keluargapun tidak bera- pa cukup. Apa lagi untuk membayar sewa rumah, api letrik, bil air, dan menghantar anak ke sekolah.

Untuk pengetahuan pembaca semua, iklan ini dibuat oleh MIDA atau Malaysia Industrial Development Authority dan berpejabat di Trade Commission (Investment Section), American International Tower, HONG KONG.

Kita sedar akan niat baik pihak berkenaan, iaitu untuk meningkatkan kadar peluang pekerjaan dengan tujuan menurunkan kadar pengangguran. Tapi janganlah sampai 'menggadai tanah' kepada orang asing yang bukan warganegara, dan janganlah sampai menjual 'tenaga buruh' kita di paras yang begitu rendah sekali seolah-olah rakyat Malaysia ini boleh diperah (diperas) tenaga mereka; seolah-olah rakyat Malaysia tidak mempunyai maruah.

NI

## TAMU ISTIMEWA DILARANG MASUK

B.A.K.

Judul	: Tamu Istimewa
Pengarang	: Abdul Aziz Ishak
Penerbit	: Abdul Aziz Ishak
Harga	: \$10

Abdul Aziz Ishak pernah berkhidmat sebagai Menteri Pertanian dan Kerjasama Persekutuan Tanah Melayu dalam kabinet Tunku Abdul Rahman pada penghujung tahun lima puluhan dan awal enam puluhan. Pengalaman peribadi beliau sebagai 'tetamu khas dalam penjara kerajaan', setelah menjadi menteri kabinet mengisi sebahagian besar dari buku ini. Di samping itu buku ini juga mengandungi perbincangan mengenai kelahiran semangat nasionalisme di kalangan orang Melayu dan kegiatan Aziz selepas beliau dibebaskan.

Menurut Aziz, kemunculan semangat nasionalisme orang Melayu telah digerakkan oleh Peperangan Dunia Kedua dan selepas itu oleh penubuhan Malayan Union yang didalangi oleh British. Orang Melayu mula memandang ke dunia luar dan menyedari yang kedudukan mereka dalam keadaan yang genting sebagai akibat dari penubuhan Malayan Union itu.

Aziz mendakwa dirinya sebagai seorang yang condong kepada sosialisme. Sebagai seorang menteri kabinet, beliau mempunyai cara-cara yang bebeza dari rakan-rakan kabinetnya dalam menyelesaikan masalah-masalah rakyat. Tidak seperti menteri-menteri lain, dia selalu mendampingi diri dengan rakyat jelata dengan tujuan untuk mengetahui dan membincangkan masalah mereka.

### Tahanan Politik

Di samping layanan harian yang dialami oleh tahanan politik, Aziz

membincangkan juga pandangannya mengenai politik, masyarakat dan agama. Dia juga menceritakan pengalaman keluarganya semasa dia dalam tahanan. Beliau mengakui bahawa kesedaran keagamaannya bertambah tebal sejak umurnya makin meningkat terutamanya sejak ia ditahan. Ini disebabkan oleh masa lapangnya yang banyak sejak dalam tahanan membolehkan ia mengkaji Al-Quran secara mendalam di samping mengamati dirinya sendiri.

Pandangan beliau mengenai dasar-dasar kerajaan berhubung dengan tahanan politik adalah cukup menarik, lebih-lebih lagi kerana beliau adalah bekas menteri kabinet. Mengikutnya, laporan bertulis yang dibuat pada masa-masa tertentu untuk orang-orang tahanan itu sebenarnya hanyalah untuk memenuhi syarat sahaja kerana segala-galanya telah ditentukan terlebih dahulu. Aziz mendakwa bahawa kerajaan Tunku hanya menunaikan sedikit sahaja dari janji-janji parti Perikatan dalam manifesto pilihanraya 1955.

### Pemecatan Dari Kabinet

Aziz 'dipecat' dari kabinet dalam tahun 1962 kerana perbezaan pendapat dengan Tunku mengenai projek syarikat kerjasama kilang baja urea dicadangkannya. Aziz berharap projek ini, yang diilhamkan oleh apa yang dilihatnya di India, dapat memperbaiki taraf hidup para petani. Beliau kemudiannya mendapati yang Tunku telah menjanjikan projek kilang baja itu kepada syarikat Imperial Chemical Industries (ICI).

Beliau kemudiannya menetap di Pulau Pinang hingga tahun 1963 bila kabinet memutuskan untuk menahannya atas alasan ia memba-



hayakan keselamatan negara Malaysia sesama Presiden Sukarno menjalankan dasar konfrontasi negara Indonesia terhadap penubuhan Malaysia.

Beliau telah ditahan hingga tahun 1966 apabila ia dibebaskan dengan syarat (yang kemudiannya telah dimansuhkan dalam tahun 1971). Bagaimanapun kerajaan tetap tidak membersihkan namanya walaupun ia tidak pernah mengakui semua tuduhan-tuduhan terhadapnya.

Rakan-rakannya yang ditahan bersama dengannya ialah Ishak Haji Mohamad (yang lebih terkenal dengan nama Pak Sako) seorang penulis Melayu terkemuka yang ketika itu menjadi Pengerusi Sosial Front. Seorang lagi ialah Dato Raja Abu Hanifah, seorang ahli jawatankuasa tertinggi Parti Islam SeMalaya (PAS). Mereka juga menghadapi tuduhan yang sama.

Walaupun menghadapi tekanan psikologi dan penghinaan, Aziz tidak pernah mengakui yang ia pernah menerima wang dari kerajaan Sukarno untuk mendirikan kerajaan Malaya dalam buangan. Sebaliknya, beliau mendakwa yang tuduhan itu semata-mata direka dengan tujuan untuk menahannya.

Malangnya, buku ini—yang dicetak di Singapura—tidak dapat dibeli di Malaysia. Pada penghujung tahun lalu, Pak Aziz sendiri tidak dibenarkan membawa 200 naskah buku itu ke Johor Baru.

# BANK BURUH KEADAAN BURUK


J.C. Huang

P.P. Narayanan, Pengerusi Lembaga Pengarah Bank Buruh, baru-baru ini telah membuat pengumuman bahawa bank ini telah menghadapi kesusahan dan masalah yang lebih dari sepatutnya, dan proses mempelajari (teknik pengurusan bank) amatlah lambat. Walaubagaimanapun, beliau menambah bahawa bank tersebut telah berjaya menambahkan simpanannya melewati angka \$103 juta selepas tiga tahun menjalankan perniagaan. Apakah yang sebenarnya telah berlaku kepada Bank Buruh?

## Latar belakang

Bank Buruh telah ditubuhkan pada bulan July, 1975. Pada mulanya Bank Negara tidak bersetuju dengan idea penubuhan bank ini dengan alasan bahawa golongan pekerja mungkin tidak mampu menguruskannya. Walaubagaimanapun, pihak penganjurnya telah berjaya meyakinkan Allahyarham Tun Abdul Razak (yang ketika itu juga menjadi Menteri Kewangan) yang kemudiannya membenarkan penubuhan bank ini.

Lembaga Pengarah Bank ini terdiri dari pegawai-pegawai kesatuan sekerja dan pegawai-pegawai syarikat yang memahami ciri-ciri perjalanan bank yang menguntungkan. Yang agak jelas di sini ialah bahawa pihak yang berjaya meyakinkan Tun Abdul Razak bagi membenarkan penubuhan bank ini bukanlah terdiri dari golongan pekerja biasa. Apalagi melihatkan bahawa rancangan ini sendiri tidak mendapat sokongan Bank Negara.



## Modal Saham Bank Buruh

Sama seperti bank-bank yang lain, Bank Buruh menjalankan perniagaannya melalui kegiatan pinjam-meminjam dengan pelanggan-pelanggannya. Sebelum bank ini boleh memulakan kegiatannya, ia perlu mengumpulkan wang modal yang mencukupi. Ini dilakukan dengan cara menjualkan saham bank tersebut.

**Jadual 1: Ahli-ahli Lembaga Pengarah Bank Buruh (Sumber: Laporan Tahunan Bank Buruh 1978.)**

P.P Narayanan  
Haji Syed Jafar Hussein (SJH) Zaidi  
T. Narendran  
Yahaya Mohd. Ali  
G. Perumal  
Mohd. Tammin Abdul Ghafar  
V. David  
Lee Ah Leng  
Senator Datuk Haji Ibrahim  
Hj. Yacob, DPMS, JSM, JP  
Tuan Haji Ismail Ibrahim PJK, JP  
Gurnam Singh

Pegawai Kesatuan Sekerja,  
Pegawai Kesatuan Sekerja,  
Penolong Pengarah, Hasil Dalam Negeri  
Pegawai Kesatuan Sekerja,  
Pegawai Kesatuan Sekerja,  
Pengarah Syarikat,  
Pegawai Kesatuan Sekerja/Ahli Parlimen,  
Pegawai Syarikat Kerjasama  
Setiausaha AID Multipurpose  
Cooperative Society Ltd.,  
Pengarah Kerja, Syarikat Nusantara Pulau Pinang Bhd.,  
Guru Besar (bersara).

Bagi Bank Buruh ini, pembahagian sahamnya telah ditetapkan seperti berikut:

1. 40% dari jumlah saham yang dikeluarkan akan diperuntukkan kepada kesatuan-kesatuan sekerja,
2. 25% dari jumlah saham diperuntukkan kepada ahli-ahli kesatuan sekerja secara perseorangan; dan
3. 20% dari jumlah saham diperuntukkan kepada persatuan-persatuan kerjasama.

Perubahan kepada kadar peruntukan-peruntukan di atas boleh dibuat dengan syarat tidak kurang dari 75% dari jumlah saham yang dikeluarkan mesti diperuntukkan kepada kesatuan-kesatuan sekerja, ahli-ahli kesatuan secara persendirian, dan persatuan-persatuan kerjasama. Walaubagaimanapun, kadar ini boleh diubah jika difikirkan perlu oleh Lembaga Pengarah.

Golongan pekerja digalakkan membuka akaun simpanan dengan Bank Buruh. Boleh dikatakan bahawa sumbangan dari pihak pekerja yang mengisi keperluan kewangan bank ini.

#### Orang-orang Bank Buruh.

Walaupun ahli-ahli Lembaga Pengarah Bank sepatutnya terdiri dari orang-orang yang berpengalaman dalam bidang perdagangan dan pengurusan, hal ini tidak pula terdapat dalam kes Bank Buruh. Sebahagian besar dari ahli-ahli Lembaga Pengarah Bank Buruh terdiri dari pegawai-pegawai kesatuan sekerja. Tidak terdapat tanda-tanda yang menunjukkan bahawa mereka ini mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang perdagangan dan bank.

Antara tahun 1975 hingga 1979, ahli-ahli Lembaga Pengarah ini telah menerima bayaran alaun sejumlah \$160,308. Dalam pembicaraan Yeoh Teck Chye (bekas Penolong Pengurus Bank Buruh), Liew Chin Yam (pemaju perumahan) dan Lim Hong Pung (bekas pengurus Cawangan Bank Buruh) (lihat laporan), peguam bagi Yeoh menyebutkan bahawa Lembaga Pengarah bank tersebut tidak berkebolehan dan tidak berminat dalam urusan bank itu melainkan memungut alaun-alaun mereka.


Mungkin tidaklah adil untuk menyebutkan bahawa orang-orang yang tidak mempunyai pengalaman dalam kegiatan bank tidak layak menjadi pengurus-pengurus bank. Masalah pengurusan mungkin telah begitu buruk jika orang-orang itu berusaha dan bersedia menerima nasihat dari pihak yang lebih berpengalaman. Tidakpun terdapat pegawai-pegawai Bank Buruh pergi meminta nasihat dari Persatuan Bank-Bank mengenai sebarang masalah praktikal yang mereka hadapai.

#### Kedudukan Bank Buruh.

Keputusan mahkamah yang mendapati bahawa Liew Chin Yam dan Lim Hong Pung bersalah telah mendedahkan kecurangan yang berlaku dalam Bank Buruh. Pada 30hb. Jun, 1978, jumlah kerugian yang telah ditanggung oleh Bank Buruh berjumlah \$6.3 juta.

Rajah 1 menunjukkan bahawa jumlah simpanan yang dibuat oleh para pelanggan dan ejen-ejen bank semakin menurun sejak bank ini dibuka. Jumlah simpanan yang terkumpul dalam masa tiga tahun hanya berjumlah \$103,763,827.

Rajah 1: Pertambahan Simpanan Yang Terkumpul oleh Bank Buruh (1975-78)



Pertambahan Simpanan dari pelanggan dan ejen-ejen bank

P.P. Narayanan, walaubagaimanapun, menganggap perkembangan ini sebagai suatu hal yang baik (lihat kenyataan Pengerusi Bank Buruh dalam *Malaysian Business*, November 1979).

Penyiasatan terhadap kerugian yang ditanggung oleh bank ini bagi jangkamasa tiga tahunnya yang pertama lebih memeranjatkan. Bank Buruh memulakan perniagaannya dengan modal saham sebanyak \$10 juta, walaupun modal saham yang dibenarkan ialah sebanyak \$30 juta. Kini, nilai modal saham itu telah menurun kepada \$3,782,021 (Jun, 1978), seperti yang ditunjukkan dalam jadual dua.

Ini sangat serius kerana ia menunjukkan bahawa setiap saham kini hanya bernilai 37.82 sen sahaja, malah lebih kurang lagi. Setelah ditolak nilai perbelanjaan-perbelanjaan lain. Ini boleh bererti bahawa bank ini hancur jika langkah-langkah perlu tidak diambil teruta-

Jadual 2: Kerugian Bertimbun Bank Buruh (1975-1978)

	1978	1977	1975
Modal Saham	\$10,000,000	\$10,000,000	\$10,000,000
Kerugian bertimbun	\$ 6,217,979	\$ 2,198,031	\$ 2,906,633
Baki Modal Saham	\$ 3,782,021	\$ 7,801,969	\$ 7,093,367

manya terhadap kegiatan memberi pinjaman kepada pelanggan-pelanggan yang kini berjumlah lebih-kurang \$72 juta (Jun, 1978). Ini juga boleh bererti bahawa jika masih terdapat lagi kes-kes yang serupa dengan kes Liew dan Lim, Bank Buruh akan terus tenggelam dalam arus yang sedang bergolak.

kes-kes yang serupa dengan kes Liew dan Lim, Bank Buruh akan terus tenggelam dalam arus yang sedang

bergolak.

Jika Kertas Putih Bank Rakyat telah mendedahkan bagaimana sebuah bank telah disalahgunakan atas nama kerjasama dan rakyat, penyiasatan yang serupa, jika dibuat, akan menelanjangkan jenayah yang serupa dilakukan terhadap golongan pekerja. Mungkin juga ia akan mendedahkan keaiban kapitalisme untuk golongan pekerja yang ingin diwakili oleh Bank Buruh. **NI**

**Laporan**

### Kes Bank Buruh: Penyalahgunaan Wang Para Pekerja Didedahkan.

Pada 17hb. Jun, 1978, Yeoh Teck Chye (bekas penolong pengurus Bank Buruh) bersama-sama dengan Lim Hong Pung (bekas pengurus cawangan Bank Buruh) dan Liew Chin Yam (seorang pemaju perumahan) telah ditangkap oleh pegawai-pegawai Biro Siasatan Nasional (BSN) atas tuduhan terlibat dalam penyalahgunaan wang Bank Buruh sebanyak \$6.07 juta.

Ikutan dari perbicaraan mahkamah yang begitu berlanjutan, beberapa perkara yang merupakan kesalahan-pengurusan dan memberikan kredit, pinjaman dan *overdraft* tanpa mematuhi peraturan-peraturan yang sah, yang telah ditetapkan oleh Bank Negara, telah didedahkan.

Kesah Bank Buruh telah menjadi isi-isi berita sejak bulan Januari 1977 lagi apabila bank ini mula disiasat oleh Bank Negara. Sungguhpun penyiasatan mengenai kegiatan bank ini sedang dilakukan, namun bank ini terus mencatatkan angka kerugian yang agak besar. Pada 30hb. Jun, 1978, iaitu satu setengah tahun selepas penyiasatan bermula, kerugian bertimbun yang dihadapi oleh bank ini dicatatkan sebanyak \$6.3 juta.

Dalam perbicaraan terhadap Yeoh, Chin dan Liew, mahkamah diberitahu bahawa Liew telah menyalahgunakan wang Bank Buruh sebanyak \$5.7 juta dengan cara membuka sebanyak 17 akaun di bank tersebut dengan bantuan Yeoh dan Lim. Telah juga didedahkan bahawa sistem dokumentasi bank tersebut adalah tidak menurut aturan dan cagar-cagar yang dipegang oleh bank dari peminjam-peminjam sebahagian besarnya tidak mencukupi. Penyiasatan oleh Bank Negara juga menunjukkan bahawa jumlah pinjaman yang dikeluarkan biasanya berlebihan dari jumlah yang dinyatakan secara rasmi.

Selain dari itu, telah didedahkan bahawa pelanggan-pelanggan yang diberikan kemudahan *overdraft* telahpun menggunakan kemudahan tersebut sebelum permohonan mengenainya dibuat. Sebagai contoh, Johore Wood Products telah diberikan kemudahan *overdraft* sebanyak \$120,000.00. Sehari sebelum permohonannya diluluskan, Syarikat ini telah mengeluarkan wang dari bank itu sebanyak \$120,089.59—bererti, dua kesalahan telah dilakukan.

Hal yang sama berlaku pada akaun Liew Fong Chooi

di mana *overdraft* sejumlah \$200,000.00 telah diluluskan pada 12hb. Mac, 1976 tetapi sebanyak \$290,002.50 telah digunakan oleh Liew pada 10hb. Mac, 1976—iaitu dua hari sebelum *overdraft* itu diluluskan.

Suatu pinjaman yang berjumlah \$275,000.00 telah diberikan oleh Bank Buruh kepada Malacca Development Corporation (MDC) untuk tujuan membina sebuah kompleks serbaguna. Penyiasatan menunjukkan bahawa pinjaman ini tidak diproses menurut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Bank Negara.

Menurut C. Santhenathan, salah seorang pegawai Bank Buruh yang bekerja dalam Jabatan Kredit, surat dari MDC yang menyatakan tujuan tersebut, syarat-syarat yang dikenakan oleh bank dan bagaimana cara MDC mendapatkan wang selebihnya untuk pembinaan Kompleks tersebut, tidak disimpan secara berperaturan. Ini adalah ganjil memandangkan MDC merancang suatu projek pembinaan yang besar.

Keadaan yang kucar-kacir dalam perjalanan Bank Buruh semakin terdedah oleh Chua Kok Wah, bekas pengurus cawangan bank ini di Kuala Lumpur, yang menyatakan bahawa kebanyakan akaun pelanggan-pelanggan yang diberikan kemudahan *overdraft* tidak mempunyai butir-butir penting yang asas seperti butir-butir diri, laporan layak-kredit ataupun komen dari pengurus bank.

Sebagai tambahan kepada keadaan yang buruk ini, Liew (beliau dilihat begitu kerap berada dalam pejabat pengurus Bank Buruh cawangan Kuala Lumpur) telah mengaku pada 15hb. Ogos, 1979 bahawa ia tidak memberitahu Yeoh atau Lim bahawa ia menggunakan nama orang lain untuk membuka lapan akaun di bank tersebut. Walaupun begitu, tambah beliau, terdapat beberapa kali ia mengeluarkan cek dari salahsatu akaun-akaun ini, di hadapan Yeoh dan Lim, untuk membeli saham. Beliau berpendapat bahawa Yeoh dan Lim tahu bahawa ia sedang menggunakan akaun-akaun tersebut.

Di sepanjang waktu perbicaraan, Yeoh mendapat sokongan yang kuat dari SJH Zaidi, salah seorang pengarah Bank Buruh. Zaidi menyatakan bahawa Yeoh ialah seorang yang mempunyai sifat-sifat yang tidak boleh disalahkan dan begitu teguh sumbangannya terhadap kesatuan sekerja.

Pada 21hb. Ogos, 1979, Yeoh Teck Chye didapati tidak bersalah oleh mahkamah. Liew dan Lim didapati bersalah dan kedua-duanya dijatuhkan hukuman penjara selama lima tahun, pada 22hb. September, 1979. **NI**



# EKONOMI MALAYSIA DALAM TAHUN 1980

Sunna Hamid

**Laporan Ekonomi 1979-80**—yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serentak dengan Belanjawan 1980—telah menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia pada tahun 1979 adalah kukuh dan menggalakkan. Jumlah Keluaran Negara Kasar (KNK) sebenar—iaitu jumlah nilai sebenar semua barang dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh rakyat negeri ini—dalam sepuluh bulan pertama tahun itu telah dikatakan meningkat sebanyak 8%—melebihi jangkaan 7.2% yang dibuat dalam Belanjawan 1979.

Imbangan perdagangan yang berlebihan (iaitu jumlah eksport negeri kita melebihi jumlah impot) juga dijangka akan membawa kepada lebihan dalam imbangan pembayaran (iaitu bayaran yang diterima dari negeri lain melebihi bayaran yang dibuat kepada negeri lain). Di samping itu, keadaan inflasi pada tahun lepas juga telah dikatakan sebagai sederhana dengan harga-harga dijangka meningkat dengan kadar purata sebanyak 5%.

Sebelum kita dapat bergembira dengan laporan itu, kita patut memberi perhatian kepada beberapa perkara. Pertamanya, kita harus me-

ngetahui bagaimanakah pertambahan dalam kekayaan negeri kita diagihkan. Adakah ianya diagih secara adil atau sebaliknya. Apa yang dikhuatiri oleh setengah-setengah pihak ialah sebahagian besar daripada pertambahan dalam kekayaan itu diperolehi oleh golongan kaya.

Oleh kerana mereka sering memiliki alat-alat pengeluaran (seperti kilang, lombong, ladang dan mesin), besar kemungkinan yang mereka akan mendapat bahagian yang lebih besar dari pertambahan kekayaan itu jika dibandingkan dengan orang-orang biasa. Tetapi, oleh kerana tiada maklumat mengenai perkara ini dalam laporan itu, kita tidak dapat memastikan keadaan yang sebenarnya.

Keduanya, kita juga perlu mengetahui samada keadaan ekonomi yang 'menggalakkan' itu akan kekal berterusan ke tahun 1980. Untuk mendapat jawapannya, kita harus melihat faktor-faktor yang telah mendorong pertumbuhan ekonomi kita pada tahun 1979. Menurut laporan itu, terdapat dua pendorong utama, iaitu:

- a. peningkatan pesat dalam eksport barangan utama (seperti

getah, bijih, petroliam, dll.) berikutan dari kenaikan harga dan pengeluarannya. Pada puratanya, harga barangan-barangan utama itu telah meningkat sebanyak 16.5%.

- b. pertambahan pesat dalam perbelanjaan kerajaan.

### Kesan Kemerosotan Ekonomi Negeri Perindustrian Utama

Tetapi, sebagaimana kita ketahui, negeri-negeri perindustrian utama—seperti Amerika Syarikat, Eropah Barat dan Jepun—sedang mengalami kemerosotan ekonomi yang serius. Mengikut **Laporan Ekonomi 1979-80**, pertumbuhan KNK di negeri-negeri perindustrian utama secara keseluruhannya diramalkan akan meningkat pada kadar yang lembab—sebanyak 2% saja—dalam tahun 1980.

Pertumbuhan yang lembab ini akan menjejaskan perkembangan ekonomi Malaysia, khususnya sektor eksport yang merupakan separuh dari KNK negeri kita. Oleh kerana pertumbuhan yang kecil dalam permintaan ke atas barangan utama negeri kita serta kejatuhan dalam

**Jadual 1: Perbelanjaan dan Pendapatan Kerajaan Persekutuan & Kerajaan-kerajaan Negeri (\$ juta)**

Tahun	Perbelanjawan	Pendapatan	Lebihan (+)/Kekurangan
1970	2,876	2,400	- 476
1973	4,447	3,398	- 1,049
1976	8,162	6,157	- 2,005
1979	14,510	10,220	- 4,290
1980	17,068	10,868	- 5,685

Sumber: Laporan Ekonomi 1979-80.

harga barangan itu, maka sektor eksport yang kukuh dalam tahun 1979 dijangka akan meningkat dengan perlahan dalam tahun 1980 dan tidak dapat menjadi pendorong utama terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Di samping itu, perbelanjaan sektor swasta dijangka akan terus berkembang dengan sederhananya oleh kerana keadaan ekonomi dunia pada umumnya tidak stabil. Keadaan ini mungkin akan terus melemahkan keyakinan di kalangan pemodal untuk melabur.

Seterusnya, permintaan luar negeri yang berkurangan dan kejatuhan harga barangan utama juga akan mengurangkan pendapatan pengeluarannya. Keadaan ini akan mengurangkan permintaan ke atas barang-barang perkilangan. Dengan itu, pengeluaran sektor perkilangan akan terjejas.

#### Peranan Sektor Awam

Berhadapan dengan keadaan ekonomi dunia yang tidak menggalakkan ini, pihak kerajaan telah merancang supaya sektor awam (iaitu kerajaan dan badan-badan berkanun) memainkan peranan yang lebih besar untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi. Malahan, langkah kerajaan memberi potongan cukai—yang diumumkan dalam Belanjawan 1980—adalah juga bertujuan untuk menambah kuasa beli pengguna golongan menengah supaya dapat memberi galakan kepada sektor perkilangan dan per-

khidmatan.

Untuk membolehkan sektor awam memainkan peranannya sebagai pendorong utama kepada pertumbuhan ekonomi, pihak kerajaan telah merancang supaya perbelanjaan Belanjawan dalam tahun 1980 ditambah sebanyak 17.6% menjadi \$17,067 juta. Dengan jangkaan bahawa hasil kerajaan akan meningkat kepada \$11,383 juta dalam tahun 1980, maka pihak kerajaan akan mengalami kekurangan sebanyak \$5,685 juta, iaitu melebihi kekurangan tahun 1979 sebanyak \$1,495 juta. Malahan, jika dibandingkan dengan kekurangan yang dialami oleh kerajaan dalam tahun 1973, kita dapati bahawa kekurangan itu telah bertambah lebih dari lima kali ganda (lihat jadual 1).

#### Hutang Negara

Seperti pada tahun-tahun yang lepas, pihak kerajaan bercadangan mengatasi kekurangan ini dengan membuat pinjaman. Ini bermakna bahawa hutang negara akan turut bertambah besar lagi. Mengikut Laporan Ekonomi itu, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan yang belum selesai dijangka bertambah dari \$17,325 juta dalam tahun 1978 kepada \$21,087 juta dalam tahun 1979—kenaikan sebanyak 22%.

Dari jumlah ini, hutang dalam negeri yang belum selesai dijangka mencapai \$16,043 juta dari \$13,436 juta dalam tahun 1978—



tambahan sebanyak 19%. Hutang luar negeri pula dijangka bertambah dari \$3,889 juta kepada \$5,044 juta—tambahan 30%. Ini bermakna bahawa tambahan hutang luar negeri adalah lebih pesat dari hutang dalam negeri.

Walaupun pihak kerajaan sering mengatakan bahawa ianya masih tidak menghadapi kesukaran untuk mendapat pinjaman, tetapi terdapat juga pihak-pihak yang merasa kluatir tentang jumlah hutang negara yang terus menimbun dengan pesat. Di samping itu, me-

Jadual 2: Jumlah Hutang Kerajaan Persekutuan (\$ juta)

Tahun	Hutang Dalam Negeri	Jumlah Hutang Luar Negeri	Jumlah Hutang
1965	2,183	510	2,693
1970	4,271	745	5,016
1975	8,754	2,424	11,178
1979	16,043	5,044	21,087

Sumber: Laporan Ekonomi, 1976-77 & 1979-80.

mandangkan keadaan ketidak-stabilan dalam sistem kewangan dunia dan juga ketidak-stabilan politik di rantau ini, kemungkinan negeri ini menghadapi masalah untuk mendapat pinjaman dari luar negeri tidak boleh diperkecilkan. Jika keadaan ini berlaku, keadaan ekonomi kita akan menghadapi masalah yang amat serius dalam tahun 80'an.

### Masalah Inflasi

Walaupun kadar inflasi di negeri ini dalam tahun 1979 telah dikatakan sebagai sederhana, tetapi dalam beberapa bulan di penghujung tahun 1979, rakyat negeri ini—terutama mereka yang berpendapatan rendah—telah mulai berasa resah disebabkan oleh kenaikan agak pesat harga barang-barang makanan dan barang-barang lain. Malahan, ada di antara mereka mulai merasa cemas kerana mereka takut yang keadaan inflasi dalam tahun 1972—74 akan berulang lagi.

Kenaikan harga barang yang agak pesat di penghujung tahun 1979 adalah satu kenyataan. Malahan **Laporan Ekonomi** itu juga mengakui hakikat ini. Mengikut anggarannya, di antara bulan September hingga ke bulan Disember 1979, harga barang-barang pengguna telah meningkat sebanyak 8%.

Tetapi, mungkinkah keadaan inflasi tahun 1972—74 atau keadaan inflasi yang lebih buruk akan berlaku lagi dalam tahun 1980? Menurut setengah pengkaji, kemungkinan berlakunya lagi inflasi 1972—74 tetap ada. Malahan, mereka menjangkakan yang keadaan inflasi dalam masa lima tahun akan datang mungkin lebih buruk lagi. Mereka telah memberi beberapa faktor yang mereka fikir boleh menyebabkan kenaikan harga barang-barang pengguna yang pesat di negeri ini, iaitu:

- a. kadar inflasi yang bertambah tinggi di negeri-negeri perindustrian utama. Menurut satu anggaran, kadar inflasi (pada

puratanya) di negeri-negeri ini akan meningkat dari 10% dalam tahun 1979 kepada 11% dalam tahun 1980. Keadaan ini akan mempengaruhi paras harga negeri kita kerana hampir separuh dari barang-barang yang digunakan di negeri ini adalah diimpot, dan kebanyakannya datang dari negeri perindustrian.

- b. Kenaikan harga minyak dunia ke paras yang lebih tinggi. Sebagaimana yang telah kita alami di tahun-tahun lepas, kenaikan harga minyak dunia ini juga akan meningkatkan paras harga di negeri kita.
- c. kekurangan bekalan makanan (khususnya barang bijian seperti beras) di dunia. Keadaan ini akan menyebabkan harga barang makanan melambung naik. Oleh kerana negeri kita masih mengimpot beras, kenaikan harga barang makanan di pasaran dunia akan mempengaruhi paras harga di negeri kita.
- d. kekurangan barang-barang perlu. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, khususnya dalam tahun 1979, negeri kita sering menghadapi masalah kekurangan barang-barang perlu seperti minyak tanah, diesel, simen, besi, dsb. Kekurangan ini selalunya diikuti dengan kenaikan harga barang berkenaan. Adalah dijangkakan bahawa masalah kekurangan barang ini akan berterusan.
- e. pertambahan pesat dalam perbelanjaan kerajaan dan juga

tambahan wang dalam tangan pengguna golongan menengah hasil dari potongan cukai juga akan menolong mempengaruhi paras harga barang-barang di negeri ini.

### Kesan Inflasi

Berdasarkan fakta-fakta yang telah diutarakan itu, kemungkinan masalah inflasi menjadi bertambah serius dalam tahun 1980 adalah besar. Inflasi yang serius ini selalunya lebih membebankan golongan pekerja dan golongan pendapatan rendah yang lain.

Sebagai contoh, satu kajian mengenai pendapatan sebenar pekerja-pekerja kilang dalam sektor perkilangan di negeri ini telah menunjukkan bahawa pendapatan sebenar pekerja dalam semua jenis kilang dalam tahun 1972 dan 1973 adalah lebih rendah daripada pendapatan mereka dalam tahun 1963. (Lihat jadual 3). Ini adalah satu contoh yang ketara mengenai kesan inflasi kepada kaum pekerja.

Prospek ekonomi negeri kita dalam tahun 1980 adalah kurang menggalakkan. Tetapi tahun 1980 adalah tahun yang penting bagi negeri kita. Di samping merupakan tahun pembukaan dekad ke 80, ia juga merupakan tahun terakhir pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga (RM3). Mungkinkah keadaan ekonomi yang kurang cerah ini menjejaskan matlamat-matlamat RM3? Untuk menjawabnya di sini adalah sukar. Oleh itu, marilah kita sama-sama memerhati perkembangan ekonomi kita selanjutnya. NI

Jadual 3: Pendapatan Bulanan Sebenar Pekerja-Pekerja Kilang. Semua Industri (1967 \$ sebulan)

Tahun	'63	'68	'69	'70	'71	'72	'73
Pekerja Mahir	—	—	158	153	155	142	135
Pekerja Tak Mahir	—	—	107	101	97	92	90
Puratanya	119	132	133	126	124	116	112



Rakyat Iran menghalau Shah

# REVOLUSI DI IRAN

Eqbal Ahmad

31 Disember, 1977: Istana Niavare di Teheran begermerlapan dengan tokoh-tokoh dunia yang kaya raya. Dalam ucap selamatnya, Jimmy Carter berkata: 'Iran di bawah pimpinan Shah ialah satu pulau yang stabil di dalam kawasan dunia yang kecoh. Ini adalah satu penghargaan yang tinggi kepada tuanku dan kepada penghormatan, sanjungan serta kasih yang diberikan oleh rakyat kepada tuanku.'

Lebih kurang dua minggu kemudian, beberapa orang terbunuh dalam satu demonstrasi di Qom yang menandakan permulaan kacau-bilau yang terbesar dan popular sekali dalam sejarah—sebanyak 20,000 jiwa terkorban. Demonstrasi-demonstrasi besar oleh dua juta rakyat Iran berlaku pada beberapa ketika.

Pada 16 Januari 1979, Muhamed Reza Pahlevi berlepas untuk menetap di seberang laut. Ini menan-

dakan tamatnya pemerintah beraja selama 2,500 tahun di Iran. Perkembangan ini menghasilkan banyak pengajaran yang akan dipelajari di seluruh dunia.

Keadaan sekarang juga kurang jelas. Sementara Ayatollah Khomeini menyeru supaya 'Kuntum-kuntum bunga bangsa berkembang', peristiwa baru-baru ini menunjukkan bahawa sekutu-sekutu yang dulunya menentang Shah sekarang sedang bertentangan sesama sendiri dalam usaha menentukan masa depan rakyat Iran.

Islam digunakan sebagai senjata politik oleh semua pihak yang menyokong revolusi serta yang menentang revolusi—sementara pihak kiri telah ditakdirkan menemui mautnya. Bagi memahami apa yang terjadi di Iran, kita mesti meninjau di sebalik sependuk-sependuk revolusi untuk memahami proses sosial, terutamanya kuasa-kuasa yang

membolehkan Islam dan golongan alim ulamak memainkan peranan penting.

## Sebelum Dinasti Pahlevi

Mula-mula kita perlu meninjau sejenak pada masa lampau. Ini akan menerangkan bagaimana Iran, dengan sejarah tersendiri, telah diserap dalam satu sistem dunia dan akhirnya mempunyai ciri-ciri serupa dengan kebanyakan negeri Dunia Ketiga yang lain.

Di dalam sejarah, Iran (Parsi) adalah sebuah negeri yang terpengaruh di Asia Barat. Kebudayaan Parsi dipengaruhi selama 14 abad oleh perkembangan Islam. Sehingga penubuhan Dinasti Pahlavi pada tahun 1925, alim ulamak menguasai beberapa lapangan sosial yang penting seperti sekolah dan mahkamah.

Selama ini, perhubungan antara alim ulamak dan golongan saudagar

kukuh sekali; kecenderungan tafsiran agama dan kegiatan ekonomi adalah saling membantu di antara satu sama lain. Kekuatan ini sudah lama wujud, lebih-lebih lagi dalam revolusi baru-baru ini.

Dari awal abad ke 19, kehidupan politik dan ekonomi Iran mula dikuasai oleh pihak Rusia dan Britain. Dengan perkembangan kapitalis Barat di seluruh dunia pada akhir abad itu, terbentuklah golongan peniaga. Sebahagian dari kelas ini kemudiannya bertambah nasionalis bila mereka semakin bertentangan dengan modal asing yang menguasai pasaran dalam negeri.

#### Dinasti Pahlavi (1925–1979):

##### 'Rantai Berat Bernama Modenisasi'

Revolusi Rusia pada tahun 1917 menamatkan imperialisme Rusia di Iran. Pihak British yang ingin menguasai monopoli ke atas kawasan simpanan minyak yang baru dijumpai memerlukan kerajaan pusat yang kuat bagi mengawal kecenderungan nasionalis yang semakin kuat pada masa itu.

## WANTED BY THE IRANIAN PEOPLE



## NO. 1 MURDERER!!! DOWN WITH THE SHAH

Shah telah cuba menghapuskan semua pihak pembangkang dengan kejam. . . Pasukan keselamatan politiknya—SAVAK—berjaya menjadi salah satu kuasa politik yang paling zalim di dalam dunia.

Ini membawa kepada rampasan kuasa pada tahun 1921, yang dipimpin oleh beberapa pihak termasuk Kolonel Reza (bapa kepada Mohamed Reza yang baru digulingkan). Reza kemudiannya sendiri mengambil alih kuasa dan menjadikan dirinya Shah. Di samping itu, beliau telah menubuhkan tentera moden dan pasukan polis bagi mengukuhkan rejimnya.

Demikianlah bermulanya zaman Pahlavi yang telah mengurangkan kuasa para alim ulamak, aristokrat fiudal dan peniaga nasionalis yang semakin bertambah—selain dari menindas rakyat jelata secara menyeluruh. Dalam dua dasawarsa seterusnya, pihak Shah telah menggunakan cara-cara yang kejam dan zalim untuk menjamin kuasa rejimnya.

Tetapi kemudian jelaslah kepada British bahawa sokongan mereka terhadap pemimpin pemodenan ini tidak dapat memberi keuntungan kepada mereka. Dalam tahun 1941, pencerobohan sebuah pasukan tentera Barat telah memaksa Shah turun dari takhta bagi membolehkan



Penyokong-penyokong Khomeini sanggup berjuang sampai mati

kan anaknya menjadi pemerintah Pahlavi yang terakhir.

Dalam dasawarsa pertama pemerintahannya, Shah yang baru telah menghidupkan semula parlimen dan membolehkan kemunculan parti-parti politik. Kekuatan nasionalisme semakin memuncak dengan kebangkitan semua pengaruh burjuis nasional dan kesedaran kaum buruh.

#### MOSSADEGH

Pergerakan politik pimpinan Barisan Nasional (yang melibatkan

campuran kepentingan yang berbeza) dengan sokongan kuat parti (komunis) Tudeh—kemudian berjaya mengambil kuasa dari rejim tentera-beraja dalam tahun 1951. Kerajaan baru ini telah memelikan-perusahaan minyak (yang selama ini menjadi pengusahaan British).

Detik-detik kemudiannya penuh dramatik. Kepopularan Perdana Menteri Mossadegh dan kekuatan Parti Tudeh telah menunjukkan kepada Barat bahawa Shah tidak akan dapat menyelamatkan kepentingan



mereka. Selain daripada kepentingan ekonomi, kedudukan strategik negeri Iran adalah amat penting dari segi kepentingan Barat. Syarikat-syarikat minyak besar—dengan sokongan kerajaan masing-masing—segera memulaukan minyak Iran dengan tujuan merosakkan usaha Mossadegh.

Rampasan kuasa selanjutnya dalam tahun 1953 adalah salah satu usaha kerajaan Amerika Syarikat yang berjaya menggulingkan satu kerajaan nasionalis Dunia Ketiga. Memadailah jika dikatakan Allen

Dulles (ketika itu Pengarah C.I.A.) bukanlah seorang pelancung biasa bila beliau mengiringi Shah di Taهران bagi memulakan satu zaman pemerintahan yang zalim. Shah telah coba menghapuskan semua pihak pembangkang dengan kejam.

Dengan bantuan tentera sebanyak AS\$20 billion dan pembekalan senjata dari Washington dalam dua dekad seterusnya, Shah telah menubuhkan kekuatan tentera dan polis yang hebat. Pasukan keselamatan politiknya—SAVAK—berjaya menjadi salah satu kuasa po-

## HARTA SHAH: PUNCA KEBENCIAN RAKYAT

(57 juta (ringgit) sebulan untuk elaun perbelanjaan)

Hazim Amil

Baru-baru ini, pegawai-pegawai di CIA dan Jabatan Perbendaharaan Amerika Syarikat mengumumkan bahawa mereka telah cuba mengira harta kekayaan Shah (Mohamed Reza Pahlevi), tetapi mereka gagal kerana kekayaan Shah itu tersimpan di dalam beberapa akaun di Bank Swiss, dalam peti-peti keselamatan, dalam berbagai syarikat-syarikat dan konsortium.

Walaupun bagaimanapun, persoalan yang penting ialah berapa banyakkah dari kekayaan yang besar itu dapat diseludupkan keluar oleh Shah dalam masa pemerintahannya dan dalam minggu-minggu terakhir di mana kekuasaannya mula runtuh.

#### Sumber

Terdapat bukti-bukti yang jelas bahawa Shah berjaya membawa keluar bersamanya wang yang bernilai lebih AS\$10 billion. Sumber-sumber kekayaan ini telah diketahui ramai, iaitu dari jualan minyak, komisen-komisen yang dipungut dari ahli-ahli perniagaan Barat (kerana kemudahan-kemudahan yang mereka peroleh ketika menjalankan perniagaan di Iran), bayaran untuk mengelola penjualan kelengkapan ketenteraan

ke Iran, keuntungan dari perniagaan keluarga Shah dalam jualan heroin, hashih dan dadah lain, pemilikan 70% dari semua hotel dan 20% dari semua ladang di Iran.

Setiap tahun, kerajaan Iran mengadakan peruntukan belanjawan sebanyak \$43 juta kerana mengkos perbelanjaan Shah. Dalam tahun 1976, belanjawan itu termasuk AS\$1 billion untuk suatu tabung kewangan bagi kegunaannya sendiri. Dokumen-dokumen lainnya menunjukkan bahawa setiap bulan Shah dan keluarganya mengeluarkan sekurang-kurangnya AS\$26 juta dari akaun di Bank Swiss.

#### Minyak

Sumber pendapatan Shah yang terbesar setiap tahun ialah hasil dari penjualan minyak Iran ke seluruh dunia.

Sejak 20 tahun yang lalu, pegawai-pegawai di Jabatan Negara Amerika Syarikat telah mengetahui bahawa selalu berlaku kekurangan wang sekurang-kurangnya \$1 billion bila dibuat perbandingan antara jumlah hasil dari minyak yang dijual oleh Iran dan jumlah wang yang dilaporkan diterima oleh Syarikat Minyak Nasional Iran.

Syak bahawa wang itu telah di-

selewengkan kepada Shah telah dapat dibuktikan apabila seorang kakitangan Istana berjaya mencuri laporan dari satu akaun Shah di Bank Swiss. Dokumen itu menunjukkan bahawa Syarikat Nasional Minyak Iran telah memasukkan berjuta-juta ringgit hasil jualan minyak ke dalam akaun Shah di Bank tersebut.

#### Yayasan Pahlevi

Bila jualan minyak Iran meningkat, kekayaan Shah juga meningkat. Dalam tahun 1961, Shah telah mengeluarkan sebahagian dari kekayaannya untuk satu Yayasan 'kebajikan' yang dikenali sebagai Yayasan Pahlevi.

Setiap kali apabila musuh politiknya mengkritik akan kekayaan Shah, Shah akan berselindung di sebalik kegiatan kebajikannya menerusi Yayasan Pahlevi. Tetapi hakikat yang sebenarnya, di sebalik perbelanjaan untuk kerja-kerja kebajikan Yayasan tersebut mempunyai harta bernilai berjuta-juta ringgit.

Yayasan Pahlevi memenuhi kedua-dua keperluan kewangan dan keperluan politik Shah dalam berbagai cara. Yayasan tersebut, memiliki kebanyakan syarikat-syarikat percetakan di Iran.

Sebuah syarikatnya mencetak semua buku-buku teks yang digunakan di sekolah. Dengan cara ini orang-orang Shah boleh menguasai kandungan buku-buku itu dan menikmati keuntungan pada masa yang sama dengan menjual buku-buku itu.

Rumah-rumah anak yatim yang dikendalikan oleh Yayasan Pahlevi pula menjadi tempat latihan bagi bakal-bakal tentera dan polis.

#### Bank Omran

Yayasan Pahlevi juga memiliki Bank Omran, iaitu Institusi yang ke tujuh besarnya di Iran, dan Bank tersebut digunakan untuk mengembangkan kekayaan Shah di seluruh dunia.

Bank Omran membiayai gaya hidup mewah Shah dan pengikut-pengikutnya, termasuk 63 orang saudara mara Shah yang ditanggung oleh Yayasan Pahlevi.

Bank Omran juga membiayai belanja pembinaan tempat rehat Shah yang luarbiasa hebatnya di Pulau Kish, di pinggir pantai Iran. Bank tersebut membina rumah-rumah untuk Shah dan puluhan orang kawan-kawannya. Bank itu juga membina 3 buah hotel dan mendirikan sebuah kasino untuk

orang-orang kaya dan membayar gaji kepada 3000 orang kakitangan.

#### Saham, Hotel dan Kilang-kilang

Yayasan Pahlevi telah membeli saham-saham dalam banyak Syarikat. Harta kekayaannya berkembang bila wang minyak mengalir ke Iran dan Yayasan tersebut berjaya menguasai banyak bank. Yayasan Pahlevi membeli beberapa hotel terkemuka—di antaranya Hilton Teheran dan 4 buah kompleks pelancungan mewah di Lautan Caspian, Hotel Hyatt di Pulau Kish, dan beberapa ribu buah rumah, tiga bangunan di New York dan New Orleans.

Harta bendanya dalam perindustrian termasuklah kilang-kilang besi waja, syarikat simen, lombong-lombong dan kuari. Yayasan Pahlevi juga memiliki empat buah kilang kereta, dan ia juga mempunyai kepentingan dalam usaha carigali minyak, kelengkapan-kelengkapan mesin di pejabat, ubat-ubatan, juga kilang-kilang pewarna kulit.

Yayasan Pahlevi juga memiliki 6 buah kilang gula, 2 buah rumah pembungkus daging, 2 buah syarikat pengimpot biji-bijian, dan satu angkatan kapal-kapal minyak yang

besar sehingga menjadi saingan kepada jutawan-jutawan perkapalan Greek.

#### Candu

Terdapat bukti bahawa keluarga Shah—terutama adik kembarnya, Puteri Ashraf—telah membuat keuntungan dari perniagaan candu. Dua tahun yang lalu, anggota sebuah kumpulan pengedar dadah Perancis cuba membunuhnya dengan menembak keretanya.

Keluarga Pahlevi, termasuk Shah, memiliki kekayaan sekeliling dunia, dan selalunya di tempat peranginan. Shah memiliki banyak rumah berdekatan bandar Gstaad di Swiss dan 3 buah chalet ski di Colorado Rockies, A.S.

Shah juga mempunyai rumah di Manhattan dan sebuah estet di Long Island, A.S. Ibu Shah memiliki tanah bernilai AS\$2 juta berhampiran Los Angeles dan telah mula membina sebuah rumah di sana bernilai AS\$15 juta.

Kerana kekayaan yang terlalu banyak ini, tidak hairanlah bahawa Shah memerlukan kekuatan Amerika Syarikat dan juga polis rahsianya yang dibenci rakyat, iaitu SAVAK untuk membolehkan Shah terus mengawal secara kejam rakyat Iran selama 25 tahun.



**Pemberontak-pemberontak Kurd dibunuh**

litik yang paling zalim di dalam dunia.

#### **Pembangunan Untuk Revolusi**

Bagaimanapun ada pembangunan sistematis bercorak kapitalis di dalam negeri itu sehingga awal tahun 60an bila pentadbiran Kennedy mulai sedar akan perlunya reform di negeri-negeri Dunia Ketiga, bagi menghapuskan sekatan terhadap perkembangan kapitalis di samping melemahkan kemungkinan revolusi anti-kapitalis.

Dengan sependuk-sependuk yang menarik seperti 'Tanah bagi Petani,' Revolusi Putih Shah dilancarkan. Sebenarnya, reform tanah ini telah menggantikan tuan-tuan tanah yang menentang kerajaan dengan birokrat-birokrat yang menguasai ladang-ladang kerajaan besar dan perniagaan pertanian syarikat asing. Tanah-tanah pertanian yang terbaik telah diambil alih dan dengan perubahan demikian bilangan buruh tanpa tanah bertambah lagi.

Kebanyakan faedah dari dasar reformasi itu hanya dapat dinikmati oleh golongan kecil petani kaya. Penekanan revolusi Putih terhadap tanaman untuk diekspot telah mengakibatkan penggantung-an yang kuat terhadap impot barang makanan.

Reformasi tanah melambangkan pembangunan kapitalisme bergantung di Iran. Sektor-sektor asas dikuasai oleh kepentingan kapitalis, sementara sistem ekonomi terus bergantung kepada modal asing. Mari kita tinjau ciri-ciri ekonomi dan politik ini sebelum mengkaji bagaimana susunan sosial telah membawa ke arah revolusi.

#### **Pembangunan Bergantung**

Sejak tahun 60an, polisi-polisi kerajaan disesuaikan bagi menampung kemasukan pelaburan modal asing (terutamanya berbagai kepentingan Amerika Syarikat), di samping menyokong setengah kepentingan tempatan yang bersesuaian dengan penyertaan asing.

Pembangunan jelasnya condong kepada pengeluaran barang-barang pengguna yang bergantung kepada teknologi asing; sementara perusahaan asas serta pertanian terbiar. Pembangunan pesat di Iran dicapai menerusi satu sistem yang mengakibatkan ketidaksamaan yang begitu ketara.

Dari segi teorinya, minyak masih jadi milik negara setelah Mossadegh digulingkan, tetapi pengendalian sebenarnya dipegang oleh satu per-

ikatan antarabangsa dengan sebahagian besar dalam tangan Amerika Syarikat. Bahagian Iran semuanya diambil rejim Shah dan sebahagian besar pula digunakan untuk membeli senjata yang paling moden dari Barat.

#### **Tugas Shah Di Rantau Asia Barat**

Kedudukan Shah di bawah naungan Amerika Syarikat mengubah menjadi wakil kepentingan Amerika Syarikat di Asia Barat. Dalam tahun 70an Iran menjadi unsur penting dalam rangka kuasa-kuasa pro-Amerika seluruh dunia yang berderet dari Brazil ke Indonesia.

Jadi kekuatan tentera Iran yang diwujudkan oleh rejim Shah ialah bertujuan untuk menentang apa-apa yang condong kepada revolusi di rantau Asia Barat yang kaya dengan minyak—Pemberontakan di Dhofar, misalnya—tanpa penglibatan tentera Amerika secara langsung.

Perlu juga diambil peringatan bahawa Kesatuan Soviet dan Republik Rakyat China—atas sebab-sebab yang berlainan—pernah memberi Shah pengesahan terbuka pada masa yang lepas, dan dengan itu telah mencederakan sedikit pihak kiri Iran.)

Semakin kuasa Shah bertambah menjadi kuasa mutlak, mana-mana usaha perniagaan hanya dapat dicapai melalui beliau dan segelintir kuncu-kuncunya (yang sering bertalian keluarga dengannya). Oleh kerana itu, kepentingan modal asing dan bahagian burjuis tempatan yang gantung padanya makin terlibat dan dikaitkan dengan rejim Shah.

Sebaliknya pula, burjuis nasionalis menjadi lemah dan tertindas dari segi ekonomi. Bersama-sama dengan golongan menengah profesyenal, pengaruh politik mereka berkurang



Ayatollah Khomeini

sekali sejak awal tahun 60an, sebaliknya pengaruh golongan alim ulamak yang telah menunjukkan permusuhan terhadap rejim Shah dan sahabat-sahabat antarabangnya bertambah kuat.

Namun begitu, perbalahan yang begitu serius di kalangan rakyat jelata merupakan satu faktor penting dalam pembentukan watak pergerakan revolusi tahun 1978.

#### Struktur Masyarakat Iran

Sekarang kita akan mengkaji kelas-kelas ini di Iran. Berikutan dengan rampasan kuasa 1953, pergerakan kaum pekerja telah ditindas dengan kejam sekali. Dengan pembangunan perusahaan secara besar-besaran, bilangan pekerja telah bertambah dengan pesat. Tetapi, kekurangan aktiviti politik dalam keadaan tertindas itu telah menghalang mereka mencapai taraf kesedaran yang setanding.

Walaupun mereka dieksploitasi secara hebat sekali, tetapi pada keseluruhannya mereka masih tidak tersusun sebagai satu pergerakan yang kuat. Namun begitu, bilangan mogok secara haram yang semakin bertambah di tahun-tahun terkemudian ini serta peranan utama mereka dalam revolusi baru-baru ini telah membolehkan perkembangan politik yang menggalakkan.

Kaum tani Iran (yang melebihi separuh dari jumlah penduduk) mempunyai pengalaman membe-rontak yang sedikit sahaja. Lagipun, Revolusi Putih telah membahagikan mereka sehingga perwatakan kelas mereka telah berpecah tetapi tanpa melenyapkan kesedaran ugama mereka. Satu pertiga dari kaum tani adalah buruh yang tidak mempunyai tanah dan keadaan hidup mereka adalah lebih buruk daripada kelas pekerja bandar.

#### Kedudukan Kaum Minoriti

Satu pihak yang lebih tertindas lagi ialah kaum-kaum minoriti. Tiap-tiap tahun, kira-kira 8% dari kedua-dua golongan ini berhijrah dari luar bandar ke bandar dan kotaraya yang telah penuh sesak. Di sini mereka merupakan lapisan yang serba kekurangan—ramai dari mereka menjadi penganggur secara berterusan dan tinggal di kawasan-kawasan sesak. Keadaan putus asa ini telah mengakibatkan penglibatan mereka secara besar-besaran dalam revolusi baru-baru ini. Tetapi oleh kerana kekurangan kesedaran politik, mereka mudah diperalatkan.

Lebih penting lagi kita harus memahami kelas-kelas peniaga di pekan dan peranan mereka bersama alim ulamak dalam revolusi. Keadaan bahagian bawahan di kalangan mereka selalunya adalah lebih buruk daripada kelas pekerja, tetapi mereka memiliki kesedaran peniaga kecil yaitu bersedia untuk protes secara spontan terhadap kekejaman tetapi tidak bersifat revolusi kecuali apabila mereka dipengaruhi keseluruhannya oleh pergerakan yang lebih radikal. Ciri konservatif ini telah menyelamatkan Shah dari pembangkangan yang lebih radikal dalam tahun 1953.

Pertumbuhan kapitalisme moden secara besar-besaran telah menjejaskan pihak kapitalis kecil tempatan dan sistem bengkel tradisional. Penekanan ekonomi yang berterusan telah mengakibatkan ramai dari mereka menjadi bengkerap dan menjadikan mereka sebagai penganggur. Kesemua ini telah menaikkan lagi kemarahan pihak peniaga kecil terhadap rejim Shah. NI

Sambung Bulan Depan

—Islam Di Pihak Pembangkang  
—Rakyat Islam Membangun  
—Kebangkitan Wanita





## HIKAYAT HAWA

Dengan keluaran ini, maka tamatnya siri kartun yang kedua dalam *Nadi Insan* yang selama ini telah mengisahkan perubahan kedudukan serta peranan kaum wanita dari masyarakat kuno sehingga masakini.

Siri kartun ini telah menggunakan sudut sejarah sebagai asas penganalisaan terhadap perkembangan masyarakat. Pada masa kuno, wanita adalah manusia yang menjadi akar tunjang kepada perkembangan masyarakat tetapi kini mereka tidak diberi penghormatan yang sewajarnya.

Sejarah menunjukkan bahawa masyarakat kuno adalah masyarakat adil dan tidak mengamalkan diskriminasi di antara jantina.

Keadaan ini kian berubah apabila timbulnya lebih dari segi hasil pengeluaran masyarakat. Oleh kerana lebih ini dikuasai oleh segelintir orang (yang telah memperolehi pengaruh), maka timbullah dua golongan manusia dalam masyarakat, iaitu golongan yang kaya dan golongan yang miskin. Dengan wujudnya konsep hak milik persendirian dalam keadaan baru ini, tuntutan golongan pemerintah terhadap benda-benda dan tenaga manusia lain disahkan dari segi undang-undang.



DALAM KEADAAN YANG BARU INI, DAN DENGAN KONSEP HAK MILIK PERSENDIRIAN YANG BARU ITU, MANUSIA MULA MENUNTUT HAK KE ATAS BENDA-BENDA SERTA MANUSIA LAIN

Keadaan ini telah digalakkan dan diperkukuhkan melalui sebaran am, dan mitos tentang wanita telah berkembang. Akan tetapi, selepas berlakunya revolusi perindustrian, wanita sekali lagi telah melibatkan diri dalam bidang pengeluaran. Berasaskan pengalaman ini, kaum wanita makin sedar tentang kedudukan mereka dalam masyarakat masakini.

Isu utama yang dikemukakan dalam siri kartun ini ialah isu ketidakadilan. Kebanyakan daripada kita menganggap isu ini sebagai soal pertentangan antara jantina dan seterusnya tidak sedar bahawa isu ini melibatkan lelaki bersama wanita dan hak asasi manusia.

Jadi, adalah penting bagi kita menyedari bahawa perjuangan untuk keadilan bukannya suatu perkelahian di antara lelaki dengan wanita. Perjuangan ini bukan sahaja perjuangan untuk keadilan antara lelaki dengan wanita, tetapi untuk keadilan di antara golongan yang susah dengan golongan yang berada. Jadi, kedua-dua lelaki dan wanita harus sedar bahawa tanggungjawab mereka ialah untuk bekerjasama membangunkan masyarakat adil untuk kita semua.

(SAMBUNGAN BULAN LALU)



KAUM WANITA DIJADIKAN ISTERI BAGI MELAHIRKAN ANAK-ANAK, MEMUASKAN NAFSU KAUM LELAKI SERTA MELAYANI MEREKA DENGAN CARA-CARA LAIN.

LAGI PUN, DENGAN LEBIHAN, SENGELINTIR LELAKI DAPAT MENGKHUSUS DALAM KEGIATAN SELAIN DARIPADA PENGELUARAN BAHAN MAKANAN.

INI MEMBOLEHKAN KAUM WANITA MENUMPUKAN PERHATIAN SEPENUHNYA KEPADA USAHA MELAHIRKAN LEBIH BANYAK TENAGA KERJA — SUATU KEADILAN YANG KHUSUS BAGI WANITA SAHAJA.




OLEH KERANA MELAHIRKAN TENAGA KERJA MERUPAKAN USAHA PERIBADI, DAN BILA KAUM WANITA DIKETEPIKAN DARI PEKERJAAN LAIN, MAKA TERPUTUSLAH HUBUNGANNYA DENGAN PENGELUARAN SOSIAL.







LAGIPUN, DENGAN UJUDNYA LEBIHAN, LELAKI MAMPU MELAHIRKAN SENI —  
 MUZIK, LUKISAN, KERJA TANGAN DAN SEBAGAINYA. LELAKI MEMPUNYAI LEBIH BANYAK  
 MASA UNTUK BERFIKIR. FALSAFAH PUN BERKEMBANG. SEGALANYA MERUPAKAN KEBUDAYAAN. BEBERAPA  
 ADAT SERTA PENDAPAT MAKIN BERPENGARUH. ANTARA PENDAPAT BERKENAAN IMAH BAHAWA  
 WANITA SEPATUTNYA PASIF SERTA MENGIKUT PERINTAH KAUM LELAKI. JADI,  
KEBUDAYAAN JUGUH MEMPERKUKHKAN KEDUDUKAN WANITA DI TARAF  
 YANG KEDUA.



KERJA RUMAH  
 MENJADI KERJA  
 WANITA — IAITU  
 HANYA MENJAGA  
 RUMAH DAN  
 ANAK-ANAK...





TANPA PENYERTAAN  
 DALAM PENGELUARAN  
 SOSIAL, WANITA TIDAK  
 MEMPUNYAI KUASA  
 EKONOMI, DAN  
 SETERUSNYA TIDAK  
 MEMPUNYAI SUARA  
 POLITIK.



STATUS WANITA ADALAH DI TINGKAT KEDUA. WANITA DIASUH SUPAYA BERPERCAYA BAHAWA CITA-CITA HIDUP-NYA IALAH UNTUK MENARIK BELAKI DENGAN KEJEJITAANNYA, LALU BERKAWIN. INILAH YANG MENJADI IMPIAN SEMUA WANITA, TERMASUK WANITA MISKIN.



TERBATAS DI RUMAH, KAUM WANITA TIDAK DAPAT MENGENALI DIRI MEREKA SEBAGAI SATU GOLONGAN. KURUN DEMI KURUN, PERTALIAN EKONOMI ANTARA LELAKI DAN WANITA TIDAK BERUBAH ADA DASARNYA, SEHINGGALAH BERLAKUNYA REVOLUSI PERINDUSTRIAN DI BARAT APABILA WANITA DIKEMBALIKAN SEMULA KEPADA BIDANG PENGELUARAN SOSIAL. BERMULA DARI SINILAH, WANITA MAKIN SEDAR TENTANG KEDUDUKAN MEREKA DALAM MASYARAKAT.



KERJA SERUPA — UPAH TAK SAMA!



HAMUN, DI SAMPING PERUBAHAN DARI SEGI PERHUBUNGAN EKONOMI, KEBUDAYAAN YANG SUDAH LAMA BERKEMBANG, TERUS JUGA MENGGONGGONG KAUM WANITA.....

# TENTUKAN PUNCA MASALAH

CUCU TOK KENALI



Cuaca amat baik pada hari itu ketika aku turun ke Pantai lalu bertemu dengan Khalid, kawan lama yang telah bersama-sama denganku semasa kami mula belajar berenang dahulu. Kami tidak tahu berenang lalu kami cuba meniru gerak-geri siapa saja yang berenang di situ. Akhirnya kami berhasil juga berenang sedikit-sedikit.

Beberapa bulan berselang aku tidak pernah bertemu Khalid dan lagi sekarang aku kagum melihat kebolehannya yang begitu cepat sehingga dapat berenang di tempat dalam. Aku ingin tahu bagaimana begitu cepat sekali dia belajar.

Khalid memberitahu bahawa dia belajar dari tiga orang kawannya, dan setiap kawan itu mengajar dengan cara yang berlainan. Kawannya yang pertama bernama Ramli. Li memang pandai berenang tapi tidak pandai mengajar. Dia menerangkan, malah menunjukkan cara-cara berenang yang betul kepada Khalid.

Khalid, bagaimanapun tidak dapat memahami semuanya. Li memberikan pelajaran teori yang lengkap kepada Khalid, tapi Khalid tidak dapat mengikut kesemua sekali dalam satu masa.

Khalid menemui Atan pula, dan

Atan berpendapat bahawa Khalid belum lagi mempelajari gerakan asas dalam renang dengan sempurna, lalu mencadangkan Khalid, mengulangi keseluruhan pelajarannya. Khalid tidak sanggup membuang banyak masa mengulangi pelajarannya, lantas dia menemui kawannya yang lain pula.

Sekarang Khalid menemui Halim dan Halim meneliti pergerakan Khalid semasa berenang. Halim dapati bahawa cara Khalid mengambil nafas dengan menegakkan dadanya timbul ke paras air menyebabkan ia cepat penat.

Sesuai masalah itu perlu diselesaikan mengikut keadaan di masa masalah itu timbul. Kita tidak boleh menggunakan satu teori am bagi menyelesaikan semua masalah.

Khalid sepatutnya meluruskan badannya di paras air dan hanya kepalanya sahaja yang harus terangkat. Khalid segera memahami cara ini dan sekarang ia dapat berenang dengan lebih selesa. Satu lagi masalah ialah koordinasi yang lemah di antara pergerakan tangan dan kaki.

Dengan mengatasi kelemahan ini, Khalid dapat berenang dengan lebih baik. Bagaimanapun, Khalid

masih terlalu lambat. Pergerakannya masih perlu diperkemaskan lagi. Halim menunjukkan di mana kesilapan Khalid dan mengajar pergerakan yang betul. Peringkat demi peringkat disertai dengan kesungguhannya belajar, Khalid akhirnya dapat berenang.

Persoalannya ialah mengapa Halim berjaya mengajar Khalid sedangkan Li dan Atan tidak? Li dan Atan gagal kerana mereka tidak memahami masalah sebenar yang dihadapi oleh Khalid. Sebenarnya Khalid boleh berenang. Apa yang menjadi masalah kepada Khalid ialah ia

tidak dapat berenang jauh, pantas dan tidak dapat tinggal lama dalam air.

Halim tahu bahawa apa yang menghalang Khalid ialah cara ia mengambil nafas, yang telah menyebabkan banyak tenaganya hilang. Halim cuba mengatasi masalah ini dahulu sebelum menunjukkan cara pergerakan kaki-tangan dan lain-lain pergerakan.

Sesudah masalah ini diatasi, barulah Khalid diajar cara pergerakan

# MASALAH SETINGGAN BEBERAPA PERSOALAN POKOK

shamsul amri



Rumah pangsa tidak mencukupi

kan kaki dan tangan untuk membolehkannya berenang ke hadapan. Ini juga dipelajari dengan baik tapi ia masih juga belum dapat berenang dengan cepat. Sekarang barulah dia diajar cara pergerakan yang lebih sempurna dan mendalam. Cara Halim mengajar sangat sesuai dan tepat pula pada masa dan masalah yang dihadapi.

## Punca Utama

Ada beberapa perkara yang perlu diambil sebagai tauladan dalam menghadapi lain-lain persoalan di masa hadapan. Pertama, sesuatu masalah itu perlu diselesaikan mengikut keadaan di mana masalah itu timbul. Kita tidak boleh menggunakan satu teori am bagi menyelesaikan semua masalah tanpa memahami keadaan masalah yang sebenarnya.

Kedua, sesuatu masalah itu biasanya ditimbulkan oleh beberapa banyak sebab. Kita mestilah mengenali terlebih dahulu yang manakah di antara sebab-sebab ini yang

**Punca utama perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum cuba menyelesaikan yang lain.**

menjadi punca utama dan yang mana pula sebagai punca kedua dan seterusnya. Punca utama perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum cuba menyelesaikan yang lain.

Ketiga, setelah punca utama diselesaikan maka punca kedua pula akan menjadi perkara terpenting. Begitulah seterusnya sesuatu masalah itu diselesaikan berperingkat-peringkat. Apabila punca kedua telah selesai, maka perkara seterusnya pula menjadi penting dan perlu diselesaikan.

Dari pengalaman Khalid, kita sedari betapa perlunya kita memahami kedudukan sesuatu masalah itu terlebih dahulu sebelum cuba menyelesaikannya. Adalah juga mustahak bagi kita mengenali dan menyelesaikan masalah kecil yang menjadi masalah sampingan.

NADI INSAN, JANUARI 1980

Setelah meneliti ketiga-tiga tulisan di sekitar soal setinggan dalam Nadi Insan keluaran September lalu teringin di hati saya untuk melanjutkan perbincangan berkenaan. Walaupun nada dan pendekatan para penulis berkenaan begitu berterusterang dan bertanggungjawab, saya berpendapat ada beberapa perspektif lain yang penting telah tidak dibincangkan. Akibatnya beberapa persoalan pokok lagi genting di sebaliknya masalah setinggan tidak dijelaskan serta diberi perhatian.

Pada pendapat saya, ada beberapa paras dalamana isue ini boleh diperkatakan. Pertama, dari paras pelaku sosial, dalam konteks ini saya merujuk kepada para setinggan serta mereka yang bersimpati dengan keadaan mereka. Rata-rata artikel 'Kisah Hidup Setinggan' dengan agak terperinci telah mempersembahkan watak-watak Ali, Ah Seng, Letchmi, Kassim dan Badariah, sekaligus memerihalkan kesusahan hidup yang mereka tempuh yang akibatnya memaksa mereka berse-

tinggan.

Dalam menyusur-galur sejarah satu kes 'kebangkitan' setinggan, Sdr. Hazim Amil dalam tulisannya 'Tasek Utara Dalam Kenangan' telah mengembalikan kita kepada tindakan setinggan di tempat berkenaan yang merupakan reaksi terhadap satu keadaan yang mengancam survival setinggan yang terlibat. Beliau juga telah mengingatkan kita tentang tindakan siswa-siswi sedar yang telah memberikan simpati mereka terhadap masalah para setinggan di Tasek Utara dan akibat-akibat yang menimpa para siswa tersebut kemudiannya.

## Mengapa bersetinggan?

Bakar telah membincangkan pula tentang faktor-faktor yang telah memaksa para setinggan bersetinggan dalam tulisannya berjudul 'Mengapa Bersetinggan.' Digariskannya faktor-faktor berikut sebagai bertanggungjawab memaksa para setinggan bersetinggan: Masalah kekurangan rumah; masalah ketidak-



**Ma hligai seorang jutawan**

mampuan kerajaan menyediakan rumah bagi semua yang memerlukan; masalah harga rumah yang melambung kerana inflasi, kenaikan harga tanah dan bagaimana pembinaan swasta menanggung di air yang keruh; masalah sewa rumah yang meningkat dan kedudukan ekonomi sebahagian besar penduduk bandar yang miskin. Dalam konteks ini Sdr. Ali Abu Bakar telah cuba memberikan, secara ringkas, satu gambaran yang menyeluruh lagi semasa; dan bukan dari kaca mata para pelakun sosial, yakni, mereka yang bersetingan.

Dalam konteks yang sama dengan apa yang telah dikemukakan oleh Sdr. Ali, ingin saya kemukakan beberapa sebab lain mengapa para setingan bersetingan, seterusnya menghuraikan beberapa kemungkinan mengapa masalah ini berlanjutan. Pada hemat saya, wujudnya penghijrahan ke bandar secara besar-besaran oleh penduduk luarbandar, terutamanya dari golongan muda, akibat dari dua sebab yang saling berkait, iaitu, kesukaran hidup di desa (kuasa penolak) dan bayangan palsu kemewahan hidup kota (kuasa penarik), telah menyeksakan bandar.

Oleh kerana kadar penghijrahan ini lebih tinggi dari kadar pembina-

an rumah di bandar, maka timbulah keadaan di mana orang memerlukan rumah banyak bilangannya tetapi rumah yang ada tidak mencukupi. Keadaan ini secara langsung telah meningkat harga tanah, rumah serta sewa rumah.

Oleh kerana kebanyakan mereka yang baru berhijrah bekerja di sektor yang berpendapatan rendah, mau tak mau, akhirnya mereka terpaksa bersetingan. Sehubungan dengan mengapa kebanyakan golongan anak muda kita berhijrah, ianya berkait langsung dengan sistem pendidikan kita sekarang yang rata-rata menidakkan kemungkinan mereka yang gagal dari sistem ini kembali ke pangkuan desa. Mereka adalah misfits dalam masyarakat kampung.

Kepada kebanyakan mereka jalan keluar dari masalah ini ialah untuk lari ke dakapan kota berbekalkan harapan dan bayangan palsu mengenai kota. Di samping itu keadaan kemiskinan di kampung yang kian berakar umbi hari demi hari, juga bertanggungjawab mendesak penduduk desa berpindah, selalunya ke bandar. Paduan faktor-faktor berkenaan menambah-tenatkan masalah setingan di bandar.

Selain dari faktor tersebut ada

beberapa sebab lain kenapa masalah setingan ini berlanjutan. Kita pernah mendengar bahawa ada sindiket rumah kilat yang mengambil kesempatan dari keadaan kesukaran hidup penghijrah-penghijrah baru ke bandar. Mereka ini juga bertanggungjawab melanjutkan masalah ini, malah kepada mereka lagi berterusan setingan lagi bagus bagi saku mereka. Sikap pacat ini tetap wujud di mana-mana termasuk dalam kawasan setingan.

Ada juga yang menyarankan bahawa kebanyakan kawasan setingan Melayu terus meluas, terutamanya di Kuala Lumpur, timbul dari mainan politik dan undi. Kalau dulunya kawasan berkenaan tidak banyak pengundi Melayu yang boleh menguntungkan sesuatu parti politik, maka dengan bertambahnya setingan, yang kebanyakannya Melayu, mengukuhkan lagi kedudukan parti yang berkepentingan.

Maka setingan ini dibiarkan terus bersetingan demi kepentingan politik. Malah pernah seorang setingan menyatakan pada saya bahawa untuk memastikan kampung setingannya tidak dirobuhkan apa yang perlu ialah sehelai bendera atau satu papan tanda yang menunjukkan lambang satu parti berkenaan. Itu merupakan 'pelindung rahmat, penghalau penceroboh.'

#### **Setingan Miskin?**

Satu perkara lagi, yang telah dilupakan oleh Sdr. Ali ialah bahawa bila kita memperkatakan tentang setingan tidak bererti secara otomatis kita merujuk kepada satu golongan orang susah yang tenat di hinggap penyakit kemiskinan. Banyak kajian telah membuktikan bahawa ramai bilangan mereka yang berpendapatan lumayan dan mampu membeli atau menyewa rumah swasta memilih untuk tinggal sebagai setingan oleh kerana sebab ekonomi atau politik. Bukankah lebih untung dengan menyewakan sebuah rumah yang telah dibeli oleh si Ahmad, misalnya, pada seorang Pegawai MCS muda, kemudian

menggunakan duit sewa untuk bayar hutang rumah dan mehampung sewa rumah di tempat mereka bersewingan; atau membina rumah di situ.

Mungkin Sdr. Ali akan menghujahkan bahawa bilangan orang seperti ini kecil, tetapi kepada saya biarpun kecil, apa yang relevan dalam perbincangan ini ialah mereka melanjutkan masalah setinggan. Dalam banyak ketika, mereka adalah pemimpin politik tempatan di kawasan-kawasan setinggan berkenaan. Dari apa yang saya ketahui ada sebilangan pegawai MCS yang tinggal di beberapa kawasan setinggan di Kuala Lumpur, biarpun kecil mereka boleh mengembelingkan pengaruh dan kuasa yang kuat di paras lokal.

Di samping itu, kadar gaji yang diterima oleh sebahagian besar pekerja kilang, terutamanya, yang bertempat di kota-kota, terlalu rendah sehingga memaksa mereka menjadi setinggan kerana mereka memang tak mampu langsung untuk menyewa rumah swasta, apatah lagi memilikinya. Ini termanifestasi dalam artikel 'Kisah Hidup Setinggan.'

### **Masalah Setinggan Adalah Akibat Sistem Ekonomi**

Tetapi, di satu paras yang lebih menyeluruh dan struktural, masalah setinggan ini merupakan salah satu penyakit sistem ekonomi kita. Setahu saya, di desapun wujud masalah setinggan, cuma tidak dilaporkan. Saya rasa kita masih ingat peristiwa Hamid Tuah dulu. Mungkin ada beratus atau beribu lagi Hamid Tuah di seluruh negara, apatah lagi dalam keadaan kemiskinan yang begitu memuncak kini yang tidak menunjukkan tanda-tanda suratkupun. Mungkin kisah-kisah seperti ini tenggelam ditelan oleh keghairahan kita berbicara tentang kisah pendatang-pendatang asing di Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Sejarah menjadi saksi bahawa warisan penjajahan tetap mendarah-daging masyarakat kita walaupun



**Setinggan meneroka hutan**

ini telah dinafikan oleh pemimpin-pemimpin kita. Kalau kita teliti dan susur-galur kembali secara terperinci akan urutan pensejarahan negara tidak boleh tidak akan jelas pada kita bahawa masalah seperti masalah setinggan akan muncul dan berlanjutan, seperti muncul dan berlanjutnya masalah kemunduran di desa.

Bahana struktur ekonomi bebas, yang diasaskan oleh penjajah dan yang kini kita dukung dan tatang seperti minyak yang penuh, dengan sendirinya telah menjanjikan kita dengan penyakit-penyakit sosial yang kita tanggung kini. Ini soal pokok di sebalik semua masalah dalam masyarakat kita kini, termasuk masalah setinggan. Dan ini jangan kita lupakan. Kejulingan kita terhadap masalah cuma akan membuat kita berhujah di sekitar masalah-masalah pinggiran.

Misalnya, saya kutip kembali sebahagian dari perenggan terakhir tulisan Sdr. Ali yang berbunyi; '... Adakah wajar pihak-pihak berkenaan mengambil tindakan merobohkan rumah-rumah kediaman mereka (setinggan) dan menafikan mereka tempat untuk berteduh dari hujan dan panas...?' Jawapan kepada soalan ini berbeza-beda bergantung kepada siapa yang menjawabnya.

Kepada para pelakun sosial dan yang bersimpati dengan mereka memang pada pendapat mereka tindakan ini tidak wajar sekali-kali. Termasuk dalam golongan ini ialah

mereka yang menjadi oportunist, seperti mereka yang terlibat dalam sindiket rumah kilat, pemimpin parti politik yang memerlukan undi untuk menang pilihanraya dan mereka yang berkemampuan serta berpengaruh tapi lebih senang hidup murah di kawasan setinggan.

Kepada pegawai yang diperintahkan merobohkan dan badan yang bertanggungjawab, mereka cuma menjalankan tugas. Kita boleh terus menjawab soalan ini tanpa hujung dengan merujuk kepada kemungkinan-kenungkinan jawapan dari semua pihak. Tetapi kepada saya, usaha begini tiada hentinya, malah akan memerangkap kita dalam isue yang remeh dan hampir-hampir pinggiran.


Kalau kita menyorot kembali dan melemparkan pandangan kita ke arah sistem ekonomi kita semasa, merobohkan rumah-rumah berkenaan adalah wajar dari sisi undang-undang yang rata-rata dicipta untuk memberikan justifikasi terhadap sistem ini. Pendapat dan jawapan-jawapan lain tidak bermakna. Kalau diberikanpun, cuma untuk melepaskan rasa hati yang terlibat atau bersimpati, tetapi perubahan dan penyelesaian masalah ini tetap tiada. Kalau adapun bercorak sementara; tutup satu lubang gali satu lubang.

Selagi sistem ekonomi kita begini, selama itulah ia akan berlanjut-lepas hujan, perubahan ini lambat kalau kita berbuat sesuatu untuk merubahnya. Mungkin ini tidak akan berlaku dalam beberapa tahun yang akan datang. Saya percaya keadaan sekarang tidak mengizinkan. Tetapi dengan perkembangan politik tanahair dan kesemarak kumpulan-kumpulan penekan yang telah mula tumbuh macam cendawan lepas hujan, perubahan ini lambat laun akan berlaku. Ini yang perlu kita fikirkan, terutamanya bagaimana kita boleh memberikan sumbangan ke arah merealisasikan cita-cita ini.



# BABA GUNTING

H.A.H.



**B**ila sahaja ditanya mengapa ia tidak mahu menyimen semula tapak kedainya itu, atau mengapa ia tidak mahu mengganti baru bangku-bangku duduk di kedainya, ataupun mengapa ia tidak membeli kerusi pusing yang baik untuk pelanggan-pelanggannya, Baba selalu sahaja tidak pernah dapat memberi jawapan yang tegas. Biasanya, dengan tidak berfikir lagi ia menjawab dengan ringkas, 'tengoklah', atau 'biar sahaja dulu', atau pun 'belum ada rancangan lagi.'

Baba tidak dapat memberi jawapan yang tepat oleh kerana ia sendiri tidak tahu samada ia patut bersara ketika itu, atau pergi mencari kerja di tempat yang lain, ataupun terus berniaga di situ lagi. Ia belum lagi membuat keputusan yang tepat samada kedainya itu patut diperbaiki ataupun tidak. Sebenarnya ia tidak dapat mengambil keputusan yang tegas oleh kerana banyak perkara yang patut difikirkan sebelum mengambil ketetapan yang tertentu.

**T**empat di mana ia mencari makan hari-hari itu bukanlah kedai di dalam ertikata yang sebenarnya. Sekiranya hendak digelar kedai, tempatnya itu hendak-

lah mempunyai dinding, pintu, tingkap, rak-rak, atap dan juga segala jenis alat-alat sekatan dan perlindungan untuk menjaga hak-hak si tuan punya, seperti kedai-kedai lain yang banyak terdapat di mana-mana jua.

Inilah 'keistimewaan' kedai tempat Baba bekerja. Tempatnya itu terletak di antara dua pohon pokok *cherry* yang sudah setengah umur di sebelah kanan menghadapi jalanraya, dan di sebelah kiri sebuah rumah dua tingkat yang berdinding papan yang juga sudah setengah umur. Kawasan yang luas kira-kira sepuluh kaki persegi itulah yang dikenali sebagai kedai Baba Gunting. Tiada berdinding. Tiada berpintu. Tiada bertingkap. Yang ada hanyalah atap yang diturunkan dari dinding rumah dua tingkat itu, secara pisang-sikat, yang disambut oleh tiga batang beruti dua inci persegi yang ditanam ke dalam tanah tidak jauh dari pangkal pokok-pokok *cherry* yang rendah itu.

Di sinilah, di tepi Jalan Pangkalan Rama dan betul-betul berhadapan dengan Klinik Pergigian, Baba, selama dua puluh lima tahun, telah bekerja menggunting rambut yang dia sendiri tidak pernah tahu berapa ribu kepala orang yang telah dipegang dan digunting rambutnya.

Kedudukan kedai Baba Gunting memang hebat. Jalan

Pangkalan Rama itu bukan sahaja digunakan oleh ramai manusia, bahkan kedainya itu juga terletak di tengah-tengah kawasan di mana kaum buruh menginap. Dan satu perkara lagi, kedai gunting itu senantiasa teduh. Ketika panas matahari pagi dinaungi oleh pohon-pohon *cherry* yang rendang lagi rimbun, dan ketika panas matahari petang ia dilindungi pula oleh rumah yang agak tinggi itu.

**T**empat menggunting itu tidaklah begitu susah didapati oleh Baba. Ketika itu ia baru balik dari mengembara di serata pelusuk gugusan pulau-pulau Melayu. Masa itu—tahun 1950—bukanlah macam dalam tahun-tahun tujuh puluhan ini. Bandar Melaka masih lega lagi, bangunan-bangunan, baik untuk perniagaan, mahupun untuk kediaman, belum dibina sebanyak mana yang terdapat hari ini.

Tuanpunya kedua-dua tapak rumah serta tanah kosong di mana Baba membuat tempat guntingnya ketika itu memang berkehendakkan orang menyewa di situ. Untuk membuat rumah sewa tidaklah membawa keuntungan kepadanya seperti sekarang. Jadi bernasib baiklah Baba mendapat tempat itu, dan lebih bernasib baik lagi kerana ia mendapat tempat itu dengan sewa hanya empat ringgit sebulan.

Di waktu mengambil tempat tersebut, Baba tidak membuat apa-apa perjanjian bertulis dengan tuanpunya tanah itu. Ia masih ingat kata-kata taukeh itu di waktu memujuk Baba untuk mengambil tempat itu. 'Baba, lu guntinglah sini, gua suka lu gunting sini. Lain orang gua tak kasi, pasat lu baik punya orang gua kasi. Tapi, kalau atak orang-orang mau kacau gua punya kawasan, lu boleh malah kuat-kuat. Buat macam lu punya halata.' Itu sahaja, walaupun boleh dianggap sebagai perjanjian tidak bertulis.

Tetapi, bila Baba mula hendak menyimpan tempat ia hendak meletakkan kerusi pusingnya, taukeh itu telah membantah dengan keras. 'Lu gunting atas tanah sudahlah. Talok sikit papanpun boleh. Jangan talok simen. Suma orang gunting bawah pokok sena tak pakai simen. Lu mau pakai simen. Mana atak patut?'

Baba cuma menyedapkan hati taukeh itu dengan berkata, 'Gua mahu kasi cantik taukeh punya kawasan. Taruh papan susah mahu sapu, nanti banyak kotor, Taruh simen banyak kemas dan lawa.'

Taukeh itu telah menjawab dengan pantas, 'Gua tak kila cantik. Gua tak mau lawa. Gua takut satu kali sudah simen, susah mau kila.'

Baba lantas menjawab, 'Taukeh tau, gunting di bawah pokok sena tidak kena sewa langsung. Tetapi, taukeh mahu gua punya duit empat ringgit satu bulan. Dan taukeh mahu gua jadi taukeh punya 'jaga' di sini.'

Oleh kerana ketegasannya, taukeh tanah itupun terpaksa beralah. Baba telah meneruskan rancangannya.

Maka, tersimennlah tapak kedai gunting itu seluas sepuluh kaki persegi.

**B**erhubung dengan atap kedai gunting itu, mula-mula Baba menggunakan atap nipah. Ini bukanlah kerana taukeh itu tidak membenarkan Baba menggunakan atap rumbia atau atap zing, tapi, sebaliknya, kerana modal Baba cuka sekait. Selama berkedai di situ, atap kedainya sudah berkali-kali diganti, dan dalam pergantian itu ia melalui prosesnya, dari atap nipah ke atap rumbia dan akhir-akhir ini sudah ditukar atap zing.

Bagi Baba yang penting buat seorang tukang gunting ialah kerusi pusing dan cermin besar serta perkakas-perkakas menggunting sebagai ketam, gunting, pisau cukur, sikat, kain putih dan berus rambut. Kalau ada perkara-perkara ini sudah bolehlah menjalankan kerja. Kerusi pusing serta cermin besar diperolehi dari seorang teman yang telah berhenti menggunting kerana hendak mencuba nasibnya di lapangan yang lain. Tentang perkakas-perkakas yang lain pula, Baba membelinya sendiri—baru semuanya.

Sebelum mulai menggunting, Baba mencadangkan hendak membeli kerusi-kerusi yang agak baik sedikit untuk tetamu-tetamu atau orang-orang yang menunggu hendak menggunting rambut. Tetapi bila difikirkan bahawa kerusi-kerusi ini mungkin akan di'sapu' oleh 'kaum' bila ditinggalkan terdedah di waktu malam hari, ia lalu membuat balai-balai sahaja. Satu bangku panjang disandarkan ke dinding rumah sebelah, satu lagi dipakukan terus ke tiang-tiang yang menyambut atap kedainya, dan satu lagi dilintangkan di sebelah belakang, dari rumah ke tiang belakang kedai.

**S**ekarang sudah dua puluh lima tahun berlalu. Ertinya sudah dua puluh lima tahun menggunting di tempat itu. Simen tapak kedainya sudah kopak-kopak. Di beberapa tempat retak dan di sana-sini berlubang, macam orang bopeng. Bangku-bangku panjang tempat duduknya sudah berkali-kali patah dan kini condong dan goyah macam gigi orang tua. Meja yang mendukung cermin besarnya dan di mana ia menyimpan perkakas guntingnya sudah buruk, dan kerusi pusingnya juga sudah uzur dan tidak berdiri tegak lagi.

Dan baru-baru ini pula taukeh yang membenarkan Baba menggunting di situ telah meninggal dunia. Maka anak sulungnya yang bekerja sebagai kerani besar di sebuah pejabat loyar telah mengambil kuasanya. Satu hari taukeh baru itu datang berjumpa dengan Baba. 'Baba mesti tahu saya berkuasa di tempat ini sekarang. Tetapi Baba jangan kkuatir. Saya tetap hormati perjanjian Baba dengan ayah saya. Tetapi, kalau Baba sudah tidak ada lagi, ataupun kalau Baba sudah tidak mahu menggunakan tempat ini lagi, saya akan mengambilnya

balik kerana saya mahu pakai tempat ini.'

Baba terkejut mendengar amaran yang mengharukan itu. 'Tetapi, Encik Lim. Kalau saya sudah tidak ada lagi, saya mahu anak saya menggantikan saya di sini.'

**Keadaan inflasi telah menyebabkan pelanggan-pelanggannya menjarakkan lagi masa mereka datang bergunting dengannya.**

'Rancangan Baba ini saya tak dapat setuju. Tempat ini telah diberi oleh ayah saya kepada Baba sahaja, bukan kepada orang lain. Saya membenarkan Baba bergunting di sini selama ada hayat Baba, sebab menghormati aruah ayah saya. Anak Baba terpaksa mencari tempat lain,' tegas Encik Lim.

Kedatangan taukeh baru itu juga telah menyebabkan sewa tempat itu dinaikkan dari empat ringgit sebulan ke enambelas ringgit sebulan, empat kali ganda banyaknya.

**P**erkerja-perkerja inilah yang menyebabkan Baba tidak dapat mengambil keputusan samada kedainya itu patut diperbaiki ataupun ditinggalkan begitu sahaja. Ia sudah boleh bersara dan duduk makan pencen sahaja. Paling lama ia boleh menggunting rambut satu atau dua tahun lagi. Mengapa patut membuang belanja kalau hanya hendak bekerja satu dua tahun sahaja. Dan lagi, fikir Baba, pelanggan-pelanggannya datang kepadanya kerana keahliannya. Hendak harapkan simen atau bangku kedainya, banyak tempat lain yang lebih molek.

Seperkara lagi yang memberatkan fikiran Baba ialah masalah pendapatannya. Keadaan inflasi telah menyebabkan pelanggan-pelanggannya menjarakkan lagi masa mereka datang bergunting dengannya. Dari sebulan sekali ke dua bulan sekali dan ada yang sanggup berambut panjang terus menerus. Inflasi juga telah menyebabkan kuasa membeli pendapatannya itu beransur turun. Baba merasai benar kesulitan kedudukannya.

Kalau dahulu ia boleh sampai ke tempat kerjanya pada jam sembilan atau sepuluh pagi, sekarang ini genap pukul lapan pagi Baba sudah mesti siap untuk menggunting. Tidak lagi orang melihat ia balik ke Bukit Baru untuk makan tengah hari, dan sekarang ini ia terpaksa juga bekerja sehinggakan jam enam petang. Selain dari itu Baba terpaksa pula bekerja tiap-tiap hari. Tiada lagi berihat pada hari-hari minggu, tiada lagi bercuti untuk ke sana-ke mari. Ia tutup kedai hanya sekiranya ada perkara-perkara yang paling mustahak.

Baba terpaksa bekerja lebih giat lagi. Sepatutnya semakin umurnya meningkat, semakin mudah untuknya menghadapi masalah-masalah penghidupan. Tetapi, yang nyata padanya, semakin tua semakin berat tanggungannya.

ambil menunggu kedatangan pelanggan-pelanggannya, Baba terkenang kepada keadaan-keadaan yang menyebabkan ia terpaksa menjadi tukang gunting. Sebenarnya, ia tidak langsung mempunyai cita-cita hendak menjadi tukang gunting, malah tidak pernah dimimpikannya bahawa ia akan menggunting rambut orang. Ia keluar dari bangku sekolah dengan tenaga muda yang meluap-luap, bersedia untuk mengisi apa sahaja lapangan kehidupan. Ia sanggup berkorban dan sanggup juga memegang apa sahaja pekerjaan. Tetapi, tidak pernah terfikir menjadi tukang gunting rambut.

Belunjur di atas bangku condongnya sambil mengurut-urut betisnya, fikiran Baba melayang ke masa ia baru berhenti sekolah. Oleh kerana Melaka sebuah bandar yang agak kecil, Singapuralah tempat untuk mencari kerja. Singapura ketika itu menjadi ibu kota bagi Negeri-negeri Selat. Baba mengenali kota besar ini melalui cerita-cerita mulut anak-anak muda Melaka yang banyak merantau ke kota itu dan pulang bercuti dengan segar dan bergaya. Mereka menggambarkan kepadanya sebuah pulau yang bersedia mengisi segala jenis pengharapan.

Tetapi, bila Baba sendiri menginjakkan kedua belah kakinya di pusat perdagangan Inggeris di Tenggara Asia itu, ia dapati susah betul hendak mencelah di tengah-tengah pergolotan mengejar kekayaan. Kota besar itu sungguh asing baginya. Pelajaran yang diperolehinya dari Sekolah Melayu Bukit Baru tidak cocok dengan perjalanan Kota Perdagangan yang serba-serbi mementingkan Inggeris itu.

Menghadapi keadaan yang serupa itu, apakah yang dapat dibuat olehnya selain dari balik semula ke kampung. Tetapi, kalau balik tentu sekali malu serta kecewa. Baba mengambil keputusan tidak balik ke Melaka. Sekali melangkah pantang undur ke belakang, pesan gurunya. Ia lalu menjadi tukang sapu dengan pendapatan sebanyak 20 sen sehari di sebuah Bangsawan Melayu yang bermain di Geylang Serai, Singapura.

Kemudian Baba berpindah dari sebuah Opera ke Opera yang lain. Ia telah dibawa ke setiap pelusuk gugusan pulau-pulau Melayu. Rupanya Baba anak Melaka yang berbakat. Dari tukang sapu panggung, ia telah naik dari tingkat ke tingkat hingga menjadi 'orang muda wayang' dengan mendapat gaji sebanyak \$5.00 sehari—5.00 sebelum perang!

Baba menyertai rombongan wayang bangsawan Melayu selama kira-kira lima belas tahun. Ia akhirnya hampir sampai ke kemuncak kejayaannya dengan menjadi 'orang muda', dan telah terkenal di mana-mana sebagai 'Baba Melaka' ataupun 'Baba Wayang'. Tetapi harapannya untuk mencapai kejayaan yang lebih tinggi lagi dalam lapangan dunia Bangsawan Melayu itu kecewa bila selepas Perang Dunia Kedua, negeri itu telah diserang serta dibanjiri oleh filem-filem baru dari Hollywood dan Bombay, dan perusahaan filem tempatan juga mulai menunjukkan kebolehan mereka.

Baba telah terpaksa meninggalkan 'dunia impian' Bangsa-wan Melayu, bersama-sama dengan impian kejayaannya. Ia tidak tahu ke mana hendak menghala. Nampaknya ia terpaksa kembali memulai dari awal. Seorang kawan telah menolong mendapatkan kerja sebagai seorang mandur kepada kontrektor menoreh getah di Kulai, Johor. Di sana ia bekerja selama dua tahun sahaja, memang susah hendak mengerah pekerja-pekerja untuk kepentingan majikan setelah bertahun-tahun berlagak menunjukkan bahawa selalunya kuasa jahil akhirnya akan ditewaskan oleh kuasa adil.

**D**ari Kulai Baba balik ke Melaka. Di Melaka ia menemui jalan buntu. Ia berfikir, pemuda-pemuda lari dari kampung kerana di dalam gelanggang 'cash economy' penjajahan, menanam padi tidak boleh menjamin penghidupan. Orang-orang berada lari mengejar 'rubber estate', 'paddy estate' tinggal terbengkalai sahaja. Alangkah pedihnya bila ia menyedari bahawa ia terpaksa balik ke asal dan terpaksa membuat sawah seluas dua ekar yang ditinggalkan oleh ibunya. 'Sungguh rendah jatuhnya. Dari 'orang muda' ke Pak Tani,' kata Baba dalam hati.

Pendapatan Pak Tani memang kecil sekali. 'Nasib baik aku ada belajar menggunting rambut ketika mengembara dahulu,' Baba berfikir lagi, 'Kalau tidak aku terpaksa tinggal mengepalai keluarga tani sampai mati.'

'Jadi, menggunakan pengalaman mengguntingkan kepala-kepala pekerja-pekerja kerja wayang dahulu itu, Baba telah mendirikan kedai guntingnya di Melaka. Keadaan serta persiapan dirinya sendiri telah memaksa ia mencari makan di kerusi pusing.

**S**edang ia mengelamun, ia teringat perbincangannya dengan Hamid, kawan yang selalu datang ke kedainya itu. Hamid lebih muda dari Baba, tetapi tidak mempunyai kerja yang tetap, meremah ke sana ke mari, kata orang.

'Tidak kerja hari ini, Mid,' tanya Baba sambil menggunting.


'Sudah lama tidak bekerja, bukan engkau tidak tahu,' jawab Hamid agak marah sedikit.

'Susahlah begitu,' kata Baba lagi sambil menasihati, 'Terimalah apa kerja yang dapat. Jangan pilih-pilih.'

'Aku bukan pilih-pemilih, kerjanya yang tidak ada,' Hamid mengeluh. 'Yang susahnyanya, aku mesti cari setidak-tidaknya \$5.00 sehari, kalau tidak periuk aku tidak berasap.'

'Jadi, bagaimana engkau berikhtiar?' tanya Baba.

'Aku lanyak apa saja yang dapat. Memanjat, memikul, membelah, meriah. . . dan mene. . . pun aku buat,' jawab Hamid. 'Engkau lain, engkau pasang lukah di sini, banyak orang datang hantarkan kepala. Rambut orang ma-



cam lalang. Tebas hari ini, seminggu dua sudah panjang balik.'

'Aku lagi susah,' kata Baba. 'Aku buka lukah mesti dapat \$10.00 sehari. Kalau tidak aku hancai. Engkau bukan tak tau, anak aku duabelas orang semuanya. Betul, dua sudah berumahtangga sendiri, dan satu sudah bekerja. Tetapi, sembilan lagi masih dalam tanggungan aku. Semua di bangku sekolah lagi.'

'Aku juga ada anak,' balas Hamid, tidak mahu mengalah.

'Engkau cuma terkoteng-koteng seorang saja,' tegas Baba dan terbayang kepala anak temannya itu yang selalu bergunting dengan percuma.

**S**ambil termenung lagi, terbayang di mata Baba anak-anaknya satu-persatu. Ia memang akui bahawa kedudukannya lebih baik sedikit dari keadaan Hamid, tetapi masih buruk juga. Jadi, ia berharap kalau salah seorang daripada anak-anaknya dapat menjadi 'orang besar', nasibnya dan hari tuanya akan mendapat jaminan. Kalau tidak, ia berfikir, 'Aku akan terpaksa bekerja hingga ke liang lahat nampaknya.'

Dalam mengenang serta merenung, Baba terlihat Cikgu Hashim memberhentikan motokarnya. Cikgu itu selalu datang duduk-duduk di kedai Baba, berbual-bual tentang apa sahaja yang menjadi topik hangat di waktu itu.

Cikgu Hashim turun dari keretanya. 'Assalamualaikum. . . Ba.'

'Walaikum-salam. . . , Cikgu,' jawab Baba, tersengih.

'Tidak ramai hari ini?' tanya Cikgu Hashim.

'Maklumlah, semua orang mencari hal,' kata Baba sambil mempersilakan temannya duduk. 'Cikgu beruntung, kerja sekerat hari sahaja.'

**Scholarshipnya lambat lagi nak dapat. . .  
Saya sekarang ini cuma ada \$10.00 sahaja. . . . Di mana hendak saya cari lebih kurang \$200.00 lagi?**

Melihat tidak ada orang bergunting, Cikgu Hashim terus naik duduk di kerusi pusing. 'Makin senget nampaknya kerusi ini, Be,' kata Cikgu Hashim sambil berkisar-kisar di atas kerusi itu.

'Tengoklah dahulu, Cikgu,' keluh Baba sambil menyelimutkan leher Cikgu Hashim dengan kain putih yang sudah tidak putih lagi.

Sambil digunting Cikgu Hashim bertanya, 'Apa khabar Badrul Hisham? Sudah dapat berita atau belum?'

'Pasal dia saya krisis di rumah pagi tadi,' kata Baba.

'Mengapa pula begitu?' tanya Cikgu Hashim, hairan. 'Bukankah ia salah seorang murid yang terbaik dalam negeri Melaka? Mendapat 5A dalam peperiksaan penilaian, bukan kepalang.'

'Ya, itu betul Cikgu, tetapi kejayaannya telah membawa krisis di antara saya dengan ibunya,' kata Baba.

'Bagaimana pula?' tanya Cikgu Hashim, benar-benar ingin tahu.

'Minggu lalu saya dipanggil oleh Guru Besarnya. Saya diberitahu yang Badrul telah mendapat tempat di Malay College, Kuala Kangsar. Ia dikehendaki berada di Kuala Kangsar pada hari minggu ini. Lusa, Cikgu.' Baba diam seketika. Gunting di tangannya terus memangkas jurai rambut Cikgu Hashim. 'Seluruh keluarga saya gembira. Saya, tak usah cakaplah, kerana Badrul adalah 'harapan' saya.'

'Kalau semua gembira, mengapa pula krisis?' tanya Cikgu Hashim, tidak sabar.

'Mendengar berita baik itu saya terus membuatkan baju dan seluar baru untuknya. Segala barang-barang keperluan saya belikan. Maklumlah hendak bergaul dengan anak-anak orang besar-besar. Tetapi, poket saya sudah hampir kosong,' kata Baba sambil berdaham-daham.

'Itu betul, itu betul,' celah Cikgu Hashim. 'Persediaan adalah setengah kejayaan. Tetapi, mengapa pula krisis?'

Baba berdaham lagi. 'Masalahnya ialah hendak menghantar Badrul ke Kuala Kangsar. Duit tidak ada dalam tangan. Scholarshipnya lambat lagi nak dapat, saya dengar dibayar di sana nanti. Saya sekarang ini cuma ada \$10.00 sahaja di badan. Saya terpaksa ikhtiarkan pula duit untuk menghantar ia ke sana. Sewa teksi, belanja makan dan bermalam di sana. Tetapi, ibunya berkata ia juga mesti pergi bersama, ia penat membesarkan Bad-

rul. Terpaksa tambah perbelanjaan lagi, terpaksa tidur hotel pula. Di mana hendak saya cari kurang lebih \$200.00 lagi?' Baba mengeluh. Suaranya yang garang itu macam batu runtuh.

**K**ata-kata Cikgu Hashim itu melahirkan di fikiran Baba wajah Atma Singh—mengambil geran tanah rumahnya pula. Kedudukannya akan bertambah berat lagi. Bunga Atma akan berlipat-lipat kali ganda lagi. Besar kemungkinan sawah serta rumahnya akan dilelong.

Petang itu Baba sampai ke rumah dengan wajah yang amat sugul. Dia telah berikhtiar mencari wang, tetapi balik sama dengan kekosongan hatinya. Hanya Atma Singh sahaja yang belum ditemuinya.

'Dah puas ayah berikhtiar, tapi wang tambang ke Kuala Kangsar itu tak dapat juga,' Baba sengaja menguatkan kata-kata yang ditujukan kepada anaknya, Badrul, supaya didengari oleh isterinya yang sejak pulang tadi sudah menarik muka masam.

'Habis, kalau tak dapat juga macam mana, ayah?' Badrul merasa bimbang dan sedikit putus asa.

'Macam mana lagi, kau teruskanlah pelajaran kau di Melaka ini sahaja,' kata Baba. Dalam suara itu tergetar nada kecewanya sendiri yang ia cuba hendak menyembunyikan dari anaknya itu. 'Belajar di mana-manapun sama,' kata Baba lagi untuk menyedapkan hatinya. 'Yang penting bukan di mana belajar, tetapi orang yang menuntut pelajaran itu. Kalau rajin ia akan berjaya,

'Itu sukar betul, Be,' kata Cikgu Hashim. 'Tak dapat pinjam dahulu buat sementara?'

'Kalau Cikgu sudah mengatakan sukar, memanglah sukar,' kata Baba mengeluh lebih dalam lagi.

'Ya, kalau emaknya sudah mahu pergi bersama, terpaksa ikutkan kemahuannya. Kalau tidak berat padahnya,' kata Cikgu Hashim sambil tersenyum.

'Tetapi, bahu saya yang berat memikul,' kata Baba dengan suara yang agak kecewa. 'Cikgu kata, pinjam dahulu. Siapa yang percaya kepada tukang gunting macam saya ini? Nampak-nampaknya tiada jalan lain yang terbuka. Terpaksa mendapatkan Atma Singh sekali lagi.'

'Kalau sudah tidak ada jalan lain, terpaksa,' sahut Cikgu Hashim. 'Baba harus ingat, berhutang-berbaris, pelajaran anak-anak jangan diabaikan.'

**Tengoklah. Dah tak ada jalan lain. Esok pagi-pagi aku akan mencari Atma Singh. Siapkan geran tanah rumah kita ini. . . .**

kalau malas ia akan kecewa, sekalipun ia menuntut di langit hijau.'

Badrul termenung. Terbayang wajah kawan-kawan sekolahnya yang bercakap tentang Maktab Kuala Kang-

sar. Beberapa orang di antara mereka menyebutkan yang ibubapa masing-masing menawarkan bermacam-macam hadiah sekiranya mereka dapat pergi ke sana. Malah ada yang dijanjikan naik kapalterbang ke Ipoh sebagai hadiah.

Baba masih termenung di kerusi sandarnya—berlengang. Nampaknya, hidangan makan malam sengaja dilambat-lambatkan oleh isterinya. Kopi biasa sudah melepas. Ada perang dingin yang tak menyenangkan hatinya.

'Kalau aku tak beralah, hal ini akan berpanjangan,' fikir Baba. Perlahan-lahan ia bangkit dan turun ke dapur, pura-pura hendak ke bilik air. Melalui belakang isterinya ia berkata, 'Ani, siaplah. Esok kita sama-sama pergi ke Kuala Kangsar menghantar Badrul.'

Wajah isterinya dengan serta-merta bertukar seperti langit selepas hujan. 'Tapi, tambangnya macam mana?' Isterinya bertanya dengan suara simpati.

'Tengoklah. Dah tak ada jalan lain. Esok pagi-pagi aku akan mencari Atma Singh. Siapkanlah geran tanah rumah kita ini,' Baba berkata, diikuti oleh suatu keluhan kecil yang jatuh di dadanya sendiri.

Isterinya, Mahani, meletakkan pinggan yang sedang dipegangnya. Dengan lenggang yang dulunya menawan hati Baba, Mahani terus ke bilik tidur yang amat sederhana itu. Dari bawah kertas almari tempat simpan baju dikeluarkannya kertas-kertas merah yang kemas berlipat.

Kertas-kertas itu digenggamnya erat-erat di telapak tangannya. Wang itu dibawa keluar dan diletakkannya di atas perut Baba yang sedang tersandar, termenung memandang atap.

Baba tersentak: Ia seperti tidak percaya apa yang dilihatnya. Ia bangkit duduk. Wang itu dikiranya. Lebih dari \$300.00. Untuk seketika, ia tidak dapat mengeluarkan seuaranya.

Mahani senyum puas, kepuasan seorang isteri yang dapat menggembirakan suaminya.

'Kau ada menyimpan sebanyak ini, Ani.' Baba menggeleng-gelengkan kepalanya yang setengah botak itu.


Dari dapur suara Mahani yang riang terdengar, 'Badrul anak kita bersama, dan menjadi harapan kita bersama juga.'

Selama tiga hari, orang-orang yang lalu di Jalan Pengkalan Rama tidak melihat Baba mengguntingkan rambut. Bangku-bangkunya sepi sendirian. Daun-daun pokok *cherry* yang berguguran tidak bersapu.

Pada hari yang ketiga, Hamid, oleh kerana kebiasaannya, datang duduk di bangku kosong yang sepi itu. Seorang teman yang lalu di situ berteriak, 'Oi, apa buat seorang diri di situ? Mana Baba?'

Hamid senyum. 'Baba ke Kuala Kangsar, menghantar anaknya ke sekolah anak-anak raja.'

Teman itu menganggukkan kepalanya mengerti. 'Aku tahu, Baba mahu anaknya belajar jadi 'raja'.'



## DUA KARYA POLITIK KEBANGSAAN OLEH AHMAD BOESTAMAM

Bekas Ketua API (Angkatan Pemuda Insaf), Parti Rakyat Malaya, Parti Marhaen, PEKEMAS

### MERINTIS JALAN KE PUNCHAK

Seorang pejuang kebangsaan mengisahkan perjuangan nasionalis yang menentang penjajahan di Malaya pada zaman 1945-1948, iaitu antara Peperangan Dunia Kedua dan Pengisytiharaan Darurat. Buku ini telah dipilih untuk diterjemahkan oleh Prof. W. Roff (pengarang "Nasionalisma Melayu") sebagai karya yang mewakili semangat nasionalisme tanahair kita. (181 halaman, hanya \$3.00)

### DR. BURHANUDDIN: PUTERA SETIA MELAYU RAYA

Kisah perjuangan umat Islam yang menentang imperialisme dan membela demokrasi. Almarhum Dr. Burhanuddin Al-Helmy pernah menjadi anggota Sarekat Islam Merah dan kemudiannya ketua beberapa badan politik kebangsaan termasuk PEKEMAM (Parti Kebangsaan Melayu Malaya), PUTERA (Pusat Tenaga Rakyat), PUTERA-AMCJA, Parti Islam SeMalaya dan juga seorang pengasas Partai Rakyat Malaya. (78 halaman; hanya \$2.00)

### BORANG PESANAN

Nama & Alamat:

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

- \$2.00 untuk "Dr. Burhanuddin"
- \$3.00 untuk "Merintis Jalan Ke Punchak"

### TAWARAN ISTIMEWA

- \$4.50 untuk kedua-dua buku
- Sila kembalikan borang ini serta bayaran kepada:  
INSAN, Peti Surat 26, Kajang, Selangor.

## CINTA ITU PERJUANGAN

dewani  
kemanisanmu  
ku tak tahu  
kau menjelma  
sambar hatiku  
sebati .....

dewani  
kekejamanmu  
ku tahu  
tapi  
aku terkulai  
dalam jeratan hidupmu  
aku tak jeran

dewani  
kau tak melihat  
titisan air mata  
membanjir perasaan  
suara  
tenggelam  
lenyap .....

dewani  
tanganmu dingin  
ku tak dapat menghafal hatimu  
ku tak kenal wajahmu

mungkin  
duniamu  
duniaku  
bergesel .....

saat gerhana  
ku dapat tatang  
kau dan anak impianku  
mohd. lenin, mohd. kalam dan dewi  
selamatku kebumikan  
dengan bunga mawar  
petikan dari jari halusmu

dewani  
jangan korbankan aku  
aku ingin berjuang  
selagi ada kehormatan diri  
aku ingin berundur  
terima kasih  
kerana  
bersamamu  
aku mengenal cinta

dewani  
tanganku hulu .....seliseh  
lambaianmu  
tak dapat bersama  
menjejak zaman purbaku  
supaya kau mengerti  
mengapa aku begini

Jun 1979

bukan aku tak mahu  
aku tak sanggup  
membenarkan nafas perjuanganku  
dirampas demi percintaan khayalan  
membenarkan pendirian hidupku  
hancur kerana kau tak faham  
membenarkan diriku menyaksi drama  
hidupmu berkecai dalam pelukan  
ayah-ibumu

aku ingin  
kekasihku  
berkembang di sampingku  
menghirup kemanisan dan kepahitan  
sebagai cabaran hidup  
tulin .....

dewani  
kau tak dapat memenuhi ruang ini  
kau tetap terpukau dalam busian  
keselesaan yang kian lama  
tiris di genggam tangan  
gelap gulita .....

dewani  
dunia ini sungguh bus  
pautan akan menurut rebah  
bilakah lagi  
tapak yang kau pijak  
mengikut acuan kakimu  
bilakah lagi  
kau berdiri teguh dan  
membentuk bayangan sendiri  
bilakah lagi .....

bilakah .....

bila .....

dewani musnahkanlah  
ramalanku ini

dewani  
aku membelakangkan kau  
bukan aku benci  
aku tak mengerti  
kepedihan hatiku  
melepasmu  
menjilat perut lukaku  
mengutip serpihan hidupku  
semoga  
kau bahagia  
kau mengerti  
kau sedar

anggaplah ini teguran saudara  
mungkin dunia kita  
tidak akan seliseh lagi  
peluk cium dalam mimpi

Dari Rajib untuk Dewani  
(Sanir)

## Cendekiawan Tanpa Pendirian

Suatu masa nanti  
cendekiawan  
tanpa pendirian  
dari tanahairku  
akan dipersolkan  
oleh golongan daif  
dari rakyat kita

Mereka akan ditanya  
apa sumbangan mereka  
apabila negeri mereka mati  
perlahan-lahan,  
semacam api comel,  
kecil dan sepi.

Tiada siapa ingin bertanya  
perihal pakaian mereka  
berihat panjang  
selepas makan,  
tiada seorangpun ingin tahu  
tentang perjuangan kosong mereka  
dengan 'konsep  
kekosongan  
tiada siapa yang peduli  
tentang pelajaran tinggi mereka mengenai kewangan.  
Mereka tidak akan ditanya  
tentang cerita dongeng Yunani,  
ataupun kebencian diri mereka  
bila satu dari antara mereka  
mula menemui ajal  
kematian pengecut.  
Mereka tidak akan dicabar  
mengenai alasan mereka  
yang bacul,  
yang dicipta dalam bayangan  
dunia penipuan

Pada hari itu  
orang biasa akan datang  
Mereka yang tidak tercatat  
dalam buku dan puisi  
cendekiawan tanpa pendirian,  
tapi yang membawa  
roti dan susu,  
apam dan telur,

mereka yang menjahit baju mereka,  
mereka yang memandu kereta mereka,  
yang menjaga anjing serta taman bunga mereka  
dan bekerja untuk mereka  
dan mereka akan bertanya:  
'Apa telah kau buat ketika yang  
miskin menderita,  
sambil kelembutan hidup  
lenyap dari diri mereka?'

Cendekiawan tanpa pendirian  
dari tanahairku yang comel,  
anda pasti tak dapat menjawab.

Burung nazar sunyi  
akan memakan ususmu.  
Penderitaanmu  
akan menyedut jiwamu.  
Kau akan membisu  
kerana malu.

## APOLITICAL INTELLECTUALS

One day  
the apolitical  
intellectuals  
of my country  
will be interrogated  
by the simplest  
of our people.

They will be asked  
what they did  
when their nation died out  
slowly,  
like a sweet fire,  
small and alone.

No one will ask them  
about their dress,  
their long siestas  
after lunch,  
no one will want to know  
about their sterile combats  
with "The idea  
of the nothing"  
no one will care about their higher financial learning.  
They won't be questioned  
on Greek mythology,  
or regarding their self-disgust  
when someone within them  
begins to die  
the coward's death.  
They will be asked nothing  
about their absurd  
justifications,  
born in the shadow  
of the total lie.

On that day  
the simple men will come.  
Those who had no place  
in the books and poems  
of the apolitical intellectuals,  
but daily delivered  
their bread and milk,  
their tortillas and eggs,  
those who mended their clothes,  
those who drove their cars,  
who cared for their dogs and gardens  
and worked for them,  
and they'll ask:  
'What did you do when the poor  
suffered, when tenderness  
and life  
burned out in them?'  
Apolitical intellectuals  
of my sweet country,  
you will not be able to answer.

A vulture of silence  
will eat your gut.  
Your own misery  
will pick at your soul.  
and you will be mute  
in your shame.

Otto Rene Castillo  
(bahasa asal: Espanyol)



# KOMIDI LAPOK TAK LUCU

Jaseni

Usaha Badul yang terbaru adalah jauh lebih baik daripada kedua-dua filemnya yang terakhir—*Panglima Badul* dan *Tuan Badul*—dari segi persembahan, pemandangan (babak), penyuntingan, perjalanan cerita dan terutama sekali pengarah-an.

Aziz Satar—yang juga telah mengarah *Nasib Si Badul* dahulu—berjaya menyelamatkan nasib Badul sebagai seorang pelakon komidi dalam perfileman di Malaysia.

## Propaganda

Tetapi walaupun *Prebet Lapok* mempunyai banyak ciri yang menarik, saya terasa tertipu apabila menonton filem ini kerana ini adalah kali pertama saya pernah membayar wang untuk menonton filem penerangan angkatan tentera Malaysia. Filem ini pasti akan berjaya membantu pihak kementerian yang bercadang menambah bilangan regimennya.

Malangnya, tema filem ini juga menyekat filem ini berjaya sebagai filem komidi. Nampaknya, penerbit filem ini ingin memelihara hati Kementerian Pertahanan, yang telah banyak membantu pengelolaan filem ini.

Maka, mereka tidak berani langsung memperlucukan aspek-aspek angkatan tentera selain dari perkara-perkara yang jelas seperti rambut, kasut, kawat dan sebagainya. Tetapi banyak hal lain yang biasa digunakan sebagai unsur lucu dalam persembahan lain (seperti siri TV, M.A.S.H. misalnya)—yang mungkin dianggap sebagai perkara yang akan mempersoalkan soal hieraki (tingkat lapisan), disiplin, terdapat dalam *Prebet Lapok*.

## Pengintai Badul

Cerita filem ini bermula apabila hero kita kena tangkap kerana mengintai anak-anak dara bermandi di sungai kampungnya. Kemudian Badul—yang merupakan seorang penganggur yang sentiasa relax sahaja di kampung—dikalakkan oleh bapanya (seorang bekas perajurit) masuk tentera.

Dalam babak-babak kemudian—yang memakan masa lebih dari setengah jam—bahagian propaganda tentera pula dipersenibahkan. Bahagian ini tidak membosankan seperti biasa—kerana mempunyai unsur-unsur yang lucu.

Kemudian, hero kembali ke kampung, berjumpa dengan *girl-friend* dan babak-babak gaya filem Hindustan ditayangkan. Kemesraan antara Badul dan kawannya Tawil dengan pegawai mereka Ed Osmera sungguh luar biasa mengikut kawan-

kawan askar saya—'Orang macam itu kaki ampu lah' kata seorang prebet sebenar.

## Watak-watak Kurang Memuaskan.

Watak-watak Ed Osmera dan Jastina—yang menjadi isterinya—tidak dilakukan secara berkesan. Kenapa Ed mengejar gadis kaya dari Indonesia kurang jelas dan tidak diintegrasikan dalam keseluruhan filem ini.

Bahagian terakhir adalah mengenai pemburuan tentera komunis oleh satu pasukan tentera yang dipimpin oleh Ed Osmera. Walaupun Ed Osmera tercedera, pasukannya berjaya menangkap ramai komunis dengan mudah. Badul sendiri mendapat dua orang dengan cara yang tidak diketahui dan kemudiannya dia kembali sebagai hero kepada keluarga dan mak wanya. NI

## PREBET LAPOK





## Pulihkan tenaga anda dengan khasiat Guinness Stout

Bila duduk berehat setelah bekerja kuat sepanjang hari, tuanglah Guinness Stout untuk mengembalikan tenaga anda.

Guinness Stout — stout bermutu tinggi di dunia. Tinggi dengan mutu khasiatnya. Pekat dan memberi cukup kepuasan.

Guinness Stout — stout yang tinggi nilai khasiatnya.

**GUINNESS STOUT**  
baik untuk anda



## **MOTOSIKAL YANG LINCAH**

Motosikal sport yang sesungguhnya lincah. Membawa anda ke tempat-tempat yang selama ini anda ingin pergi.

Melakukan hal-hal yang selama ini anda ingin lakukan.

CG 125. Motosikal dua roda dengan enjin Honda empat lejang yang luar biasa lagi terkenal di dunia. Yang berjalan lebih baik, lebih ekonomi serta tahan lebih lama.

Lincah ke mana saja. Sampai ke tempat tujuan dengan bergaya. Itulah CG 125. Dapatkanlah sebuah hari ini.



Pengedar tunggal  
**BOON SIEW SDN. BHD.**

Wings

diterbitkan oleh Institut Analisa Sosial (INSAN), Peti Surat 26, Kajang, Selangor.

dicetak oleh Penerbit Universiti Malaya, Lembah Pantai, K.L.